

6911

**Warisan: Jernal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 17 (1993)**

ADAT NEGERI SEMBILAN MELALUI MASA

(Dengan merujuk kepada Luak Rembau)

Oleh:

Norhalim Hj. Ibrahim

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga

Universiti Pertanian Malaysia.

1. PENDAHULUAN

1.1 Adat Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan adalah negeri beradat. Ini tidak bermakna negeri-negeri Melayu lain tidak mempunyai adat. Ada dua faktor utama disamping faktor-faktor lain yang membezakan adat Negeri Sembilan dari adat negeri-negeri Melayu lain. Faktor-faktor utama tersebut adalah:

(a) Adat Negeri Sembilan, disamping mempunyai nama umum - **Adat Melayu Negeri Sembilan** - yang jarang digunakan, mempunyai nama yang lebih spesifik dan lebih popular digunakan - **Adat Perpatih**. Rujukan kepada adat Melayu di negeri-negeri lain adalah **umum**, tidak ada nama-nama tertentu, sama ada sebagai **adat Melayu** sahaja ataupun dengan menambah nama negeri yang diperkatakan umpama: **Adat Melayu Melaka** (merujukan kepada adat orang Melayu di Negeri Melaka) atau **Adat Melayu Selangor** dan sebagainya. Adat di negeri-negeri Melayu lain ini kadangkala dipanggil secara keseluruhan sebagai **Adat Temenggung** terutama sekali oleh orang Negeri Sembilan.

(b) keseluruhan sistem adat Negeri Sembilan (struktur, organisasi dan juga institusi-institusi yang berkaitan dengannya) adalah didasarkan atas sistem nasab ibi; sedangkan adat Melayu di negeri-negeri lain adalah berlandaskan sistem dua sisi yang berkecenderungan kepada sistem nasab bapa serta segala struktur, organisasi dan institusi-institusi yang berkaitan.

1.2 Pewilayahan Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan hari ini dapat dibahagikan kepada dua jenis pewilayahan iaitu moden dan tradisi.

(a) Berdasarkan geografi moden Negeri Sembilan terpecah kepada tujuh buah daerah. Daerah-daerah tersebut adalah: Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau, Seremban dan Tampin.

(b) Negeri Sembilan berdasarkan kepada pentadbiran tradisi seperti yang wujud hari ini adalah gabungan beberapa buah wilayah yang dipanggil **luak**. Luak-luak tersebut adalah: Gunung Pasir, Inas, Jelebu, Jempol, Johol, Rembau, Sungai Ujong, Tampin, Terachi dan Tampin. Satu lagi wilayah tradisi disamping yang tersebut di atas ialah Seri Menanti.

1.3 Kedudukan Luak-luak Tradisi Hari Ini.

Hari ini pewilayahan moden dan tradisi pada daerah-daerah tertentu mempunyai sempadan bersama, dan pada daerah-daerah lain sempadan luak melampaui daerah moden; atau sebaliknya.

Luak Jelebu hari ini mempunyai sempadan yang sama dengan daerah Jelebu. Namun pada zaman tradisi, sebelum kedatangan Inggeris, beberapa bahagian daerah Seremban hari ini, terutama sekali kawasan yang berhampiran dengan sempadan daerah Seremban-Jelebu juga terlingkung di bawah tadbiran luak Jelebu.

Sebahagian besar dari kawasan **Luak Sungai Ujong** hari ini terletak dalam daerah Seremban. Kawasan luak Sungai Ujong yang selebihnya hari ini termasuk dalam daerah Hulu Langat, Selangor; antara lain termasuk kawasan Beranang, Broga dan Semenyih. Di samping itu, beberapa petempatan di kawasan daerah Port Dickson yang berhampiran dengan daerah Seremban seperti Rantau adalah sebahagian daripada luak Sungai Ujong.

Sempadan **Luak Rembau** sekarang bersamaan dengan sempadan daerah Rembau. Tetapi sebelum tahun 1842 luak Tampin adalah sebahagian dari luak Rembau. Ini bermaksud, sebelum tahun tersebut luak Tampin tidak wujud. Dengan kata-kata lain, **Luak Tampin** pada hakikatnya bukannya sebuah luak tradisi. Luak terakhir disebut ini adalah luak baru ciptaan Inggeris (untuk keterangan lanjut mengenai penubuhan luak Tampin ini lihat: Norhalim Hj. Ibrahim 1978).

Luak Johol terletak sebahagiannya terletak dalam daerah Kuala Pilah dan bahagian lainnya dalam daerah Tampin.

Luak-luak Gunung Pasir, Inas, Terachi dan juga **Seri Menanti** terlingkung dalam daerah Kuala Pilah. **Luak Jempol** mempunyai sempadan yang bertindan lapis dengan daerah Jempol kini.

1.4 Kedudukan Daerah Port Dickson

Port Dickson adalah daerah Negeri Sembilan yang terletak di pinggir pantai Selat Melaka. Sebahagian besar dari kawasan daerah ini, terutama sekali yang berhampiran dengan pantai sebelum tahun 1883 adalah jajahan taklok negeri Selangor. Pada tahun tersebut ia telah diserahkan kepada pentadbiran kerajaan Negeri Sembilan moden setelah ditukar ganti dengan kawasan Semenyih dan sekitarnya yang sebelum itu adalah sebahagian daripada Negeri Sembilan, khususnya kepunyaan luak Sungai Ujong.

2. PENDUDUK DAN ADAT NEGERI SEMBILAN.

2.1 Penghijrahan Penduduk Ke Negeri Sembilan.

Anak watan Negeri Sembilan adalah orang asli dari puak **Jakun**. Orang Melayu yang menduduki daerah-daerah Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin dan di kawasan pendalaman daerah Port Dickson adalah terdiri dari keturunan orang-orang Jakun tersebut ataupun campuran antara orang-orang Jakun dan kaum penghijrah yang dipercayai datang dari Sumatera, sama ada dari Minangkabau atau Siak. Kaum penghijrah ini telah mula datang ke kawasan sini (Negeri Sembilan dan Naning, Melaka) sejak dari sekitar abad ke sembilan lagi. Mereka telah berjaya menegakkan beberapa buah kerajaan di sekitar abad ke empat belas (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:78)

Secara umum penghijrahan orang Sumatera ini dapat dikategorikan kepada dua jenis:

- (a) penghijrahan berbentuk berperingkat;
- (b) penghijrahan berbentuk langsung.

Penghijrahan berperingkat ini telah bermula disekitar abad ke sembilan Masihi sehingga ke zaman keagungan kerajaan melayu Melaka, disekitar tahun 1500 Masehi. Pada zaman awal itu orang-orang Minangkabau telah keluar dari dataran tinggi di pendalaman ke kawasan timur Sumatera. Antara kawasan yang mereka duduki adalah Jambi, Palembang dan Siak di mana mereka menjalankan kerjaya berniaga dan/atau membuka penempatan baru untuk bertani. Mereka kemudian, atau/dan mungkin generasi kedua telah merantau pula ke Semenanjung Tanah Melayu terutama ke Tumasik. Dari Tumasik, iaitu mungkin di sekitar abad ke dua belas (Newbold, 1839:77) mereka berhijrah pula ke utara untuk menjalankan perniagaan di Kuala Muar dan Kuala Penajoh (1) dan membuat petempatan baru yang berbentuk sementara-kekai di bahagian pendalaman atau hulu Sungai Penajoh dan Sungai Siput, yang terletak dalam kawasan Rembau dan Naning sekarang.

Penghijrahan langsung. Di zaman kerajaan Melayu Melaka pola penghijrahan mereka telah berubah. Selain dari penghijrahan berperingkat, orang-orang Sumatera telah datang terus dari tanah tinggi pulau itu ke Melaka dan bahagian pendalaman kedua batang sungai tersebut di atas. Akibat dari tidak putusnya penghijrahan ini maka petempatan yang sebelumnya bersifat sementara-kekal menjadi petempatan kekal.

Dalam abad yang berikutnya, dari kedua petempatan asal ini (Rembau dan Naning) mereka telah berhijrah pula ke kawasan lebih pendalaman seperti Johol, Ulu Muar, Seri Menanti dan Gunung Pasir. Disamping itu, sebahagian dari penghijrah Minangkabau itu tidak lagi mengikuti jalan tradisi tetapi memudiki Sungai Muar ke kawasan hulunya atau melalui **Jalan Penarikan** untuk membuka Jelebu, Jempol dan juga Ulu Muar.

Penumpuan penghijrah Minangkabau di zaman awal ini adalah lebih ke kawasan atau daerah-daerah Rembau, Naning (Melaka), Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu. Sangat sedikit bilangan mereka yang membuat petempatan di daerah Seremban atau di luak Sungai Ujong.

Satu ciri yang harus diambil perhatian mengenai para penghijrah ini ialah hampir kesemua dari mereka itu terdiri dari kaum lelaki. Akibatnya berlakulah proses perkahwinan atau persemendaan antara mereka dengan gadis-gadis watan tempatan. Keturunan dari hasil persemendaan inilah yang menjadi penduduk Melayu Negeri Sembilan sekarang ini.

2.2 Pembentukan Sistem Adat Perpatih

Orang-orang Minangkabau yang datang membuka rantau di Negeri Sembilan dan Naning ini telah membawa bersama sistem sosial dan konvensi budaya tempat asal mereka. Oleh sebab di petempatan baru itu telah sedia ada penduduk watannya, yang pula mempunyai dasar sistem sosial yang sama, iaitu sistem nasab ibu, maka berlaku pengubahsuaian secocok dengan keperluan dan kehendak keadaan persekitaran baru; namun prinsip-prinsip dasar sistem adat Minangkabau dikekalkan. Justeru itu, dan melalui masa terjelmalah suatu sistem sosial dan konvensi budaya yang secara keseluruhan dikenali sebagai **Adat Perpatih**.

Adat Perpatih adalah suatu adat yang mempunyai **persamaan** dengan sistem adat Alam Minangkabau terutama sekali dari segi prinsip, namun secara keseluruhan dan terperinci Adat Perpatih bukannya adat Minangkabau seperti yang difahamkan oleh orang-orang Minangkabau di Sumatera Barat.

Adat Perpatih adalah adat yang unik ke Negeri Sembilannya. Ianya wujud

adalah hasil dari gabungan antara adat Minangkabau, sebagai teras dengan adat anak watan tempatan (khususnya adat orang asli puak Jakun). Ada berbagai cara gabungan atau bentuk atur cara tolak ansur yang mungkin berlaku diantara kedua adat tersebut. Ia mungkin berlaku secara asimilasi, iaitu melalui perkahwinan dengan gadis tempatan, ataupun secara akomodasi, iaitu melalui penerimaan serta pengakuan hak anak watan (Shamsul Amri, 1984:3). Dan, oleh kerana latar belakang budaya dan pengalaman yang lebih maju, maka golongan penghijrah atau perantau tadi berkemampuan melaksanakan tradisi mereka di tempat baru itu, sama ada secara halus atau paksa. Dengan cara inilah sistem adat Minangkabau itu diasaskan sebagai dominan di Negeri Sembilan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:95).

2.3 Variasi Sistem Adat di Negeri Sembilan

Harus diambil perhatian bahawa tidak keseluruhan wilayah geografis Negeri Sembilan hari ini mengamalkan Adat Perpatih. Adat yang diamalkan oleh penduduk Melayu Negeri Sembilan boleh dijeniskan kepada tiga:

- (a) Adat Melayu umum,
- (b) Adat Melayu Linggi,
- (c) Adat Perpatih

Kawasan pinggir pantai membawa ke kawasan Lukut dalam daerah Port Dickson, sebagai dinyatakan di atas tadi, adalah bekas jajahan taklok negeri Selangor. Berikutan dengan itu, adat penduduk Melayunya hingga ke hari ini tidak banyak berbeza dengan adat dan adat istiadat orang-orang Melayu di Selangor. Justeru itu, adat yang mereka amalkan dapat kita katakan sebagai **Adat Melayu Umum** atau Adat Melayu sahaja.

Mukim Linggi, terutama sekali kawasan di sekitar pekan Linggi sekarang adalah didiami oleh penduduk Melayu dari keturunan generasi kedua orang Bugis Riau. Sistem adat mereka adalah berasaskan kepada nasab bapa iaitu ketebalikan sistem nasab ibu yang menjadi tunjang sistem Adat Perpatih. Orang-orang tua di Linggi menyebut adat mereka sebagai: **muafakat bil kitalo wassunati qabulatan minat ustaz yamonati** (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:89)

Penduduk Melayu yang tinggal di daerah-daerah lain di Negeri Sembilan (Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin) adalah terdiri dari pengamal **Adat Perpatih**. Adat ini juga diamalkan oleh komuniti-komuniti kampung yang tinggal berhampiran dengan sempadan daerah Port Dickson-Seremban. Kawasan-kawasan tersebut adalah sebahagian daripada wilayah luak Sungai Ujong amnya dan menjadi sebahagian daripada wilayah Di Air luak Sungai Ujong khususnya.

2.4 Variasi Adat Perpatih.

Di samping perbezaan sistem adat antara sebahagian besar dari daerah Port Dickson dan daerah-daerah lain di Negeri Sembilan terdapat juga kelainan sistem adat dikalangan luak-luak tradisi Adat Perpatih. Jikalau didasarkan kepada sistem politik tradisi wilayah Adat Perpatih Negeri Sembilan kini dapat dibagikan kepada tiga kelompok iaitu:

- (a) wilayah Luak Berundang,
- (b) wilayah Luak Tanah Mengandung,
- (c) wilayah Luak Tampin.

Luak Berundang adalah terdiri dari luak-luak Jelebu, Johol, Rembau dan Sungai Ujong. (Jikalau dilihat dari perspektif Negeri Sembilan tradisi, iaitu Negeri Sembilan sebelum kedatangan penjajah Barat, luak Naning yang sekarang terletak dalam negeri Melaka, juga termasuk ke dalam wilayah adat kelompok ini). Luak-luak ini dipanggil Luak Berundang kerana ketua adat di luak-luak tersebut dipanggil atau bergelar **Undang**. Dari segi politik adat setiap Luak Berundang itu adalah sebuah negeri yang mempunyai kuasa atonemi tersendiri. Kedudukan Undang pada setiap luak yang berkenaan itu adalah sama seperti status raja di negeri-negeri Melayu lain.

Selanjutnya, dikalangan Luak Berundang ini, jikalau diteliti secara terperinci akan terdapat perbezaan antara satu luak dengan yang lain. Kelainan yang ketara sekali adalah dari segi struktur dan organisasi politik setiap luak yang berkenaan.

Luak Tanah Mengandung terletak di bahagian tengah dan timur Negeri Sembilan. Luak ini dianggotai oleh luak-luak Gunung Pasing, Inas, Jempol, Terachi dan Ulu Muar. Empat buah daripada luak tersebut (Gunung Pasing, Jempol, Terachi dan Ulu Muar) merupakan wilayah yang pernah bernaung di bawah pentadbiran Undang Luak Johol. Berlainan dengan Luak Berundang tadi, pemimpin adat di Luak Tanah Mengandung ini disebut **Penghulu**. Yang menjadi pusat kepada lima buah Luak Tanah Mengandung ini ialah Seri Menanti. Seri Menanti tidak mempunyai Undang atau Penghulu, tetapi merupakan tempat bersemayam Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (sebelum Negeri Sembilan dijajah Inggeris baginda dikenali sebagai Yamtuan atau Yang Dipertuan Seri Menanti sahaja). Penghulu-penghulu Luak Tanah Mengandung berada di bawah naungan Yang Dipertuan Seri Menanti.

Kenyataan terakhir ini juga menjadi salah satu pembeza antara Luak Berundang dengan Luak Tanah Mengandung. Luak Berundang adalah luak-luak yang merdeka, berdiri dengan sendirinya dan tidak bernaung di bawah Seri Menanti.

Luak Tampin, yang terdiri daripada Tampin Tengah, Repah, Keru dan Tebong adalah luak yang terbentuk pada tahun 1842. Luak Tampin tidak mempunyai Undang ataupun Penghulu, tetapi mempunyai **Tunku Besar** sebagai pemimpin. Kelainan Luak Tampin dengan dua kelompok wilayah adat yang tersebut di atas, selain dari gelaran pemimpin luak ialah pola penggantian ketua luak adalah berdasarkan sistem nasab bapa iaitu dari bapa ke anak.

2.5 Adat Perpatih Negeri Sembilan.

Mendasarkan cara hidup mereka kepada bersawah padi, masyarakat dan budaya tradisi Negeri Sembilan wujud atas suatu sistem sosio-ekonomi komunal yang berlandaskan kekeluargaan. Sistem ini adalah berpusatkan kepada prinsip keturunan nasab ibu. pada peringkat struktur sosial, adat ini berkisar atas suatu susunan perhubungan-perhubungan dan proses-proses sosial dan ekonomi yang menjadi ciri kepada kebanyakan masyarakat nasab ibu di dunia ini. Ciri-ciri ini termasuklah:

- Keahlian dalam kelompok keturunan nasab ibu (di Negeri Sembilan diistilahkan sebagai **suku** dan pecahannya: **perut**, **ruang** dan **rumpun**) yang mempunyai nama tertentu dengan seorang ketua bagi setiap kelompok dan pecahannya, yang mempunyai gelaran tertentu pula;
- penempatan matrilokal selepas berkahwin dan justeru itu mempunyai pola-pola susunan kehidupan seharian dalam rumahtangga dan keluarga nasab ibu luas;
- memiliki harta (tanah ladang atau/dan dusun, tanah sawah dan tanah kawasan rumah) atas dasar kepunyaan bersama kelompok kekeluargaan dengan hak pakai atau **ompokan** daripada ibu kepada anak perempuan;
- mengharuskan kooperasi ekonomi dan sosial secara obligatori di kalangan ahli-ahli keluarga luas dan selanjutnya di kalangan ahli-ahli kelompok kekeluargaan yang lebih besar. Ini melibatkan tenaga kerja, sumber-sumber dan tanggungjawab-tanggungjawab terhadap anak-anak dan sebagainya; dan
- pengagihan kuasa politik berdasarkan pemeringkatan hirarki kekuasaan sosial yang diterima.

Adat Perpatih juga adalah suatu sistem konseptual dan ideologi yang kompleks yang disedari secara jelas dan suatu pandangan hidup (**worldview**) yang menjadi pemandu dalam persepsi dan pemilihan pengamalannya. Sebagai

suatu sistem konseptual di dalam adat ini termasuk aturan tertentu (kadangkala dalam bentuk-bentuk preskripsi undang-undang nyata) yang menggambarkan dan menjanakan pelakuan ahli-ahlinya seperti yang dibayangkan di atas tadi - di mana hendak tinggal, bagaimana pengompokkan harta, siapa yang bertanggungjawab ke atas anak-anak, dan sebagainya; serta juga suatu falsafah sosial dan semua jadi.

Komponen-komponen konsep dan ideologi adat ini berkecenderungan untuk memperkukuhkan satu dengan yang lain dan setiap satunya berurusan pula dengan berbagai tema yang berhubung kait antara satu sama lain. Justeru itu, Adat Perpatih melalui interaksi dialektikal nilai-nilai berkenaan dengan tingkahlaku ekonomi, sosial dan politik yang dialami secara nyata oleh ahli-ahlinya dalam kehidupan seharian-seharian melahirkan sesuatu cara hidup yang sesuai dicirikan sebagai komunal, agak egaliterian dan demokratik.

2.6 Perkembangan Sejarah

Jikalau kita menerima teori mengenai penghijrahan orang Sumatera seperti yang dibayangkan di atas, dan teori Newbold (1839:76-79) mengenai perkara yang sama, bermakna orang-orang Sumatera telah mulai sampai ke Rembau dan Naning tidak kurang dari 600 tahun yang lalu. Rembau (di samping Naning) yang merupakan petempatan terawal mereka kemudian menjadi pusat sosio-politik dan budaya untuk rantau Minangkabau di sebelah sini. Masyarakat ini telah melalui pentas sejarah yang berbeza iaitu:-

- (a) zaman transisi Islam,
- (b) zaman penjajahan,
- (c) kependudukan Jepun, dan
- (d) zaman kemerdekaan.

Setelah melalui masa yang begitu lama, peringkat sejarah yang berbagai yang setiap satunya mengasimilasikan nilai dan orientasi yang berbeza, banyak perubahan telah berlaku ke atas sistem sosial masyarakat yang diperkatakan ini. Maka, selain dari mengenali Adat Perpatih itu secara ringkas, seperti yang diutarakan di atas tadi, adalah juga menjadi tujuan penulisan selanjutnya untuk menjejak semula perkembangan sejarah sosial masyarakat ini agar dapat dikenalpasti perubahan-perubahan yang telah berlaku menimbulkan di mana mungkin, bahagian dan peristiwa yang bermasalah. Dengan itu, penulisan ini akan dibahagikan kepada peringkat-peringkat sejarah tertentu seperti yang baru disebut di atas tadi dan diakhiri, sebagai penutup, dengan membincangkan keadaan Adat Perpatih masa kini.

3. ZAMAN TRANSISI ISLAM.

Saya lebih suka memanggil period awal ini sebagai Zaman Transisi Islam dan tidak Zaman Melaka atau Zaman Kesultanan Melaka kerana imigran Sumatera telah membuka petempatan di sini pada masa yang lebih kurang sama, malahan mungkin lebih awal daripada pembukaan negeri Melaka. Setakat ini belum ada bukti sejarah, baik yang lisan mahupun tertulis yang menunjukkan bahawa Rembau adalah di bawah takluk kerajaan Melaka. Walau bagaimanapun kedua-dua buah 'kerajaan' mempunyai hubungan terutama sekali dalam aktiviti perdagangan (Sejarah Melayu, 1954: 115, 202).

Zaman awal ini boleh dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu: peringkat pembukaan dan peringkat menganut agama Islam.

3.1 Peringkat Pembukaan

Dalam period ini dua peristiwa penting dapat dirakamkan. pertama ialah aktiviti pembukaan atau penerokaan negeri. Kedua adalah penetapan orang-orang Sumatera di wilayah yang diteroka. Masa yang dilalui untuk aktiviti ini agak lama iaitu hampir empat abad - dari abad kesembilan hingga abad ketiga belas.

Ada beberapa faktor penyebab mengapa masa yang begitu lama diperlukan untuk mewujudkan petempatan tersebut. Antaranya ialah:

- (a) tempat yang diteroka adalah berbentuk sementara-kekal. Ini bermakna:
 - tempat yang diteroka itu adalah kekal tetapi penghuninya adalah bersifat sementara.
 - Penghuni-penghuni tersebut, pada musim tertentu keluar atau meninggalkan petempatan itu untuk menjalankan aktiviti ekonomi perdagangan.
 - Semasa mereka berdagang, petempatan itu akan 'digunakan' atau didiami oleh kelompok, sama ada oleh perantau-perantau yang baru datang dariapda Sumatera atau oleh mereka yang telah 'balik' dari berdagang.
- (b) Sebahagian kecil dari peneroka itu tidak giat dalam aktiviti perdagangan. Mereka tinggal menetap di kawasan yang diteroka menjalankan aktiviti pertanian. Di samping mereka terdapat juga sebilangan penghijrah golongan pedagang yang akhirnya tinggal

menetap di kawasan tersebut. Dengan itu petempatan itu akhirnya berubah menjadi petempatan kekal.

Melalui masa, bilangan golongan kedua ini (golongan petani) menjadi ramai. Dan oleh sebab mereka tidak mobile, mereka telah berkahwin dengan gadis-gadis watan. Dalam sejarah adat Negeri Sembilan golongan ini adalah penting dan signifikan kerana mereka inilah yang memberi dasar kepada kemunculan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Anak watan Negeri Sembilan, iaitu orang Jakun adalah juga masyarakat yang mengamalkan sistem kemasyarakatan nasab itu (Baharom Azhar, 1984:4). Oleh sebab sistem sosial penghijrah dan anak watan mempunyai dasar yang sama, maka (seperti yang dinyatakan di atas: dalam para akhir 2.2.) atur cara tolak ansur budaya telah berlaku tanpa konflik ataupun penentangan.

Jikalau diteliti akan perkembangan petempatan perantau Minangkabau di Negeri Sembilan, nyata bahawa ia mengandungi tiga tahap berjalan serentak. Ia bermula dengan kompromi politik-budaya, diikuti dengan proses pengambilan tanah dan kegiatan ekonomi yang sehubungan dan akhirnya mengasaskan sistem adat dan tradisi yang berkait dengannya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:95).

3.2 Peringkat Penganutan Agama Islam

Fasa kedua zaman awal ini adalah berkaitan dengan menyerapkan nilai agama Islam di kalangan masyarakat Negeri Sembilan. Bila dan bagaimana mereka menganut agama Islam adalah persoalan-persoalan yang masih belum jelas jawapannya. Berkaitan dengan ini beberapa andaian boleh dikemukakan. Antaranya ialah:

- (a) Penghijrah yang datang, iaitu generasi kedua orang Minangkabau di Sumatera Timur (mengikut Mansoer, dll (1970:47/48) rantau Minangkabau Timur telah menganut agama Islam sejak sekitar tahun 1000 Masihi) telahpun beragama Islam.
- (b) Mereka memeluk agama Islam di zaman Kerajaan Melayu Melaka. Oleh sebab mereka mempunyai perhubungan yang baik dengan Melaka yang ketika itu menjadi pusat Islam mungkin masyarakat Rembau juga turut beragama Islam.
- (c) Pengislaman mereka **mungkin** dilakukan oleh Sheikh Ahmad, pendakwah Islam yang kuburnya terletak di Pengkalan Kempas sekarang.

Walau bagaimanapun pada akhir period ini sistem sosial masyarakat

Rembau, sama ada sedang memperkuat keIslamannya ataupun sedang mengubahsuaikan sistem hidupnya dari yang bukan Islam kepada Islam.

Dari huraian ringkas di atas tiga perkara dapat diutarakan, iaitu:

- (a) Perantau Sumatera itu datang sebagai petani yang mencari tanah baru dan bukan sebagai penakluk (Lister, 1890:130); disamping menjalankan aktiviti ekonomi perniagaan.
- (b) Sehubungan dengan ini mereka adalah masyarakat yang memperkenalkan aktiviti ekonomi bersawah padi (Chung Siok Hwa, 1969:130).
- (c) Islam telah memberi dan memperkukuhkan falsafah dan nilai ke-Islaman dalam perjalanan sistem sosial masyarakat ini.

4. ZAMAN PENJAJAHAN

Melaka jatuh ke tangan Portugis dalam tahun 1511. Ini memulakan suatu era baru bagi orang-orang Melayu Negeri Sembilan. Era ini berlanjutan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Zaman ini boleh dikelompokkan ke dalam dua kapsul masa iaitu zaman awal penjajahan dan zaman penjajahan Inggeris.

4.1 Zaman Awal Penjajahan.

Zaman ini merangkumi dua peringkat iaitu zaman Portugis (1511-1642) dan zaman Belanda (1642-1824). Walaupun disebut sebagai zaman penjajahan, ini tidak bermakna bahawa Rembau (Negeri Sembilan pada zaman awal penjajahan ini belum wujud lagi sebagai suatu entiti politik) di zaman berkenaan telah dijajah. Sehingga abad ke sembilan belas Rembau masih bebas dan merdeka.

Perhubungan antara Rembau dengan kuasa-kuasa Eropah di zaman awal ini pada dasarnya, adalah bercirikan perdagangan (Newbold, 1839:79). Namun, apabila orang-orang Portugis dan kemudian Belanda cuba menekankan kekuasaan dan pengaruh ke atas orang-orang Rembau, mereka telah menemui **penentangan**.

Penentangan rakyat Rembau terhadap Portugis dan Belanda ini merupakan salah satu (atau mungkin yang terawal) **pergerakan nasionalisme terawal** di Semenanjung Tanah Melayu. pergerakan ini mempunyai ciri tersendiri yang berbeza dari dan membezakannya dengan percubaan kerajaan Melayu melaka

mengeluarkan orang Portugis dan Belanda; dan juga pergerakan nasionalisme di abad ke sembilan belas (seperti penentangan Datuk Maharaja Lela di Pasir Salak, Perak dalam tahun 1875-76, atau Datuk Bahaman di Semantan, Pahang dalam tahun 1891)., Penentangan rakyat Rembau terhadap penjajahan Barat tidak 'diarahkan' dan/atau 'digerakkan' oleh pemerintah, kaum bangsawan atau individu tertentu demi kepentingan peribadi. Tegasnya pergerakan penentangan orang-orang Rembau terhadap kuasa Barat pada ketika itu tidak diketuai oleh individu tertentu. Pergerakan tersebut adalah berbentuk tindak balas massa (orang ramai atau rakyat jelata) untuk mengekalkan dan mempertahankan kebebasan, kemerdekaan dan harga diri, baik dari segi sosial, ekonomi mahupun politik.

Pola penentang yang sedemikian ini adalah sesuai dan selari dengan doktrain, ideologi serta falsafah kemasyarakatan Adat Perpatih yang mereka amalkan, iaitu mendahulukan kepentingan ramai (komunal) melalui berkooperasi dan bukan kepentingan peribadi individu (lihat huraian dalam para akhir 2.5. di atas).

Semasa pemerintahan Portugis di Melaka tujuan utama penentangan ini adalah untuk menghalang mereka dari memonopoli perdagangan Rembau. Dan di zaman Belanda pula, ia juga berpunca dari perebutan untuk menguasai perdagangan, disamping disebabkan oleh percubaan Belanda membebaskan orang-orang Portugis dan **orang-orang Kristian yang dijadikan hamba di Rembau** dari tahanan orang Rembau (Winstedt, 1934:48-49).

Menyedari hakikat bahawa mereka tidak berkemungkinan bertahan lama menentang kuasa Eropah yang lebih kuat, orang-orang Rembau telah cuba mendapatkan pengantaraan dan perlindungan politik daripada Kesultanan Johor. Namun, oleh sebab kerajaan Johor sendiri di sekitar pertengahan tahun 1500-an ini sedang menghadapi masalah - dari dalam dan luar - mereka tidak memenuhi kehendak orang-orang Rembau. Justeru itu dalam tahun 1540 orang-orang Rembau telah **memilih** dan melantik (dengan restu Sultan Alauddin Riayat Syah (1527/28-1564), sultan Johor ketika itu) salah seorang dari rakyatnya menjadi pemimpin dan pemerintah yang dipanggil **Penghulu**. Beliau, iaitu anak lelaki kepada salah seorang dari **ketua adat** terawal yang datang ke Rembau telah dikurniakan gelaran **Datuk Lela Maharaja**. Untuk membantu dan menasihatkannya dalam hal ehwal pentadbiran negeri sebuah majlis penasihat yang dipanggil **Lembaga Tiang Balai** telah dibentuk.

Dengan wujudnya institusi-institusi Penghulu dan Lembaga Tiang Balai ini kerajaan Rembau telah sampai ke puncak perkembangan politiknya. Dari segi sejarah sosio-politik Negeri Sembilan, berdasarkan kepada pernyataan ini, Rembau adalah negeri yang pertama muncul sebagai sebuah kerajaan yang

lengkap dengan sistem pentadbiran politik, bebas dan merdeka serta mengamalkan sistem demokrasi.

Mulai dari tahun 1540 kerajaan Rembau mulai berkembang sehingga sampai ke puncak keagungannya pada sekitar pertengahan awal abad ke tujuh belas. Pada tahun-tahun berkenaan Rembau telah menjadi pusat sosial, ekonomi dan politik serta budaya bagi sembilan buah petempatan (rantau) Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. Fakta ini diakui secara resmi oleh kerajaan Belanda di Melaka melalui perjanjian persahabatan yang ditandatangani pada tahun 1646 antara kerajaan Rembau dengan kerajaan Belanda di Melaka (Newbold, 1834:256). Dalam surat Perjanjian berkenaan, kerajaan Rembau telah disebut sebagai **'Rembau and its nine states'** (Rembau dan negeri sembilanannya atau Rembau dan negerinya yang sembilan). Istilah ini juga telah digunakan dalam perjanjian-perjanjian yang ditandatangani pada 1hb. Januari 1758 dan pada 11hb. November 1759 (Winstedt, 1934: 57-57; Khoo Kay Kim, 1990:6-8).

Ada sekurang-kurangnya tiga perkara yang menarik perhatian berkaitan dengan fakta yang baru dinyatakan di atas.

(a) Sejauh yang diketahui dalam perjanjian 1646 inilah buat kali pertama istilah **'negeri sembilan'** digunakan secara rasmi.

(b) Jikalau dilihat dari konteks penggunaannya nyata bahawa Negeri Sembilan, untuk lebih dari seratus tahun (1646-1759) tidak wujud secara bersendiria tetapi dikaitkan dengan kerajaan Rembau. Dengan kata-kata lain dalam tempoh masa tersebut kerajaan Rembau mempunyai sembilan buah yang 'takluk' atau 'bernaong' di bawahnya. (Persoalannya di sini ialah sembilan buah negeri yang mana yang dianggap sebagai dinaongi Rembau?).

(c) Perjanjian-perjanjian ini juga secara tidak langsung menyatakan bahawa Rembau telah wujud lebih awal daripada Negeri Sembilan; yang selanjutnya membayangkan pula bahawa luak-luak (negeri-negeri) rantau Minangkabau yang lain di Negeri Sembilan kini wujud hanya selepas (kemorosotan?) kerajaan Rembau.

Disamping fakta di atas, perjanjian-perjanjian ini juga membayangkan bahawa di masa orang-orang Portugis dan Belanda, terutamanya orang-orang Portugis, berada di Melaka, mereka tidak campurtangan dalam kehidupan politik dan sosial di Rembau. Kepentingan utama mereka adalah perdagangan. Sebarang konfrantasi dengan Melaka adalah berkaitan dengan masalah perdagangan, dan dalam proses membantu Kerajaan Melayu Johor mencuba

menawan semula Melaka dari tangan penjajahan. Sebaliknya pula, Rembau tidak dapat mengharapkan sngat sokongan dan bantuan Johor apabila berlaku konfrantasi aktiviti ekonomi dengan Melaka kerana kedudukan kerajaan Melayu Johor sendiri dadalah tidak menentu (2).

4.1.1. Kedatangan Putera Raja Minangkabau.

Untuk menjaga kestabilan politik dan ekonomi Rembau tidak ada pilihan melainkan menyusun semua sistem politiknya. Rembau dan luak-luak lain memerlukan seorang penaung atau seorang raja untuk menjadi lambang 'keadilan'. Dengan demikian, Rembau sebagai penggerak utama bersama dengan Sungai Ujong dan Naning telah menjemput Raja Ibrahim (3) daripada Sumatera dalam tahun 1673 (Winstedt, 1934:59; Andaya, 1987:146). Walau bagaimanapun Raja Ibrahim tidak berkesempatan untuk menduduki status berkenaan kerana pada tahun 1678 beliau telah mati (4) terbunuh (Winstedt, 1934:54; Andaya, 1987:153).

Sejarah Rembau dan Negeri Sembilan berkaitan dengan kehadiran putera raja-putera raja selepas kematian Raja Ibrahim, terutama sekali dalam abad ke lapan belas adalah masih kabur dan berserabut. Setakat hari ini terdapat dua versi utama berkaitan dengannya.

Versi pertama adalah yang paling popular. Ianya adalah berupa naratif yang disarakan oleh penulis-penulis awal (penulis kolonial) seperti Wilkinson, Winstedt dan Sheppard. Mereka, dalam penulisan telah menggunakan sumber-sumber lisan dan Belanda. penulisan mereka ini telah pula menjadi bahan rujukan kepada penulisan berikutnya, sama ada oleh penulis tempatan ataupun luar.

Versi kedua adalah berdasarkan data yang diperolehi oleh Andaya (1987) yang telah menyentuh secara tidak langsung persejarahan Rembau dan Negeri Sembilan semasa membuat kajian mengenai Kerajaan Johor antara tahun 1641-1728. Khoo Kay kim, yang pada awalnya (1972) juga antara lain menggunakan sumber versi pertama, kini (mungkin bermula dari tahun 1984) dengan menggunakan dapatan Andaya telah mempersoalkan kesahihan versi pertama itu dan memberikan penemuan dan dapatan baru (1990:5-10).

Untuk pengetahuan, di sini diturunkan secara ringkas kedua-dua versi tersebut.

(a) Penulisan Sejarawan Kolonial

Selepas kematian Raja Ibrahim datang pula Raja Kasah (5). Beliau berada

di Rembau pada tahun 1722 (Wilkinson, 1911:19). Ada sumber yang menyatakan bahawa beliau telah dijemput oleh Penghulu Rembau (Datuk Sedia Raja Sabat atau Subuh) sebagai penggerak, berserta dengan Penghulu-Penghulu Sungai Ujong (mungkin Datuk Cantik atau Datuk Rumah Gedang), Jelebu (mungkin Datuk Mentunggang), dan Penghulu Naning. Atas sebab-sebab tertentu Raja Kasah telah dihantar balik ke Minangkabau (Buyung Adil, 1952:172) mungkin disekitar pertengahan tahun 1720an (6).

Tindakan Rembau dan sekutunya menjemput dan membawa raja daripada Minangkabau ini telah membimbangkan Kerajaan Melayu Johor-Riau. Kehadiran putera raja daripada Sumatera di Rembau bermakna pegangan Johor ke atas Rembau dan Negeri Sembilan semakin longgar. Untuk memastikan Rembau tetap berada di bawah naungan Johor, Raja Sulaiman (1722-60) telah menghantar Raja Adil (7) sebagai wakil kerajaan Johor dalam tahun 1740an. Penghulu Rembau, Datuk Sabut (Subuh) yang memerintah antara 1710-1750 terpaksa menerima kehadiran Raja Adil. Untuk mengendurkan ketegangan, Raja Adil telah diberi tempat di kawasan Pedas yang terletak di bahagian Rembau Darat (8) (Parr dan Mackray, 1910:16). Besar kemungkinan Raja Adil telah campur tangan dalam perlantikan Datuk Lulinsoh (9) (1750-1790). Akibatnya, dalam tahun-tahun awal 1750an sehingga tahun 1761, Raja Adil banyak terlibat dalam perhubungan luar kerajaan Rembau, terutama yang berkaitan dengan Bugis dan Belanda. Kekuatan pengaruh Raja Adil ini sampai ke puncaknya apabila putera-putera Bugis, khususnya Daing Kemboja dan Raja Haji, membuat petempatan di Kuala Penajah, Kota Pedas dan Pedas. Raja Adil hanya dapat disingkir daripada Rembau disekitar tahun 1761 iaitu apabila Daing Kemboja dan Raja Haji meninggalkan Rembau dan balik ke Riau (10).

Dengan tersingkirnya (11) Raja Adil daripada Rembau maka pengaruh (12) kerajaan Johor-Riau ke atas Rembau mulai merosot.

Pengalaman kerajaan Rembau bersama dengan putera-putera Bugis hampir sepuluh tahun itu telah memperkuatkan lagi keinginan Rembau dan Negeri Sembilan untuk mendapatkan seorang 'raja' sebagai lambang (13). Atas inisiatif Rembau bersama dengan Jelebu dan Naning (Sheppard, 1965:13-14; Penghulu-Penghulu Johor dan Sungai Ujong menentang perbuatan tersebut) dua orang panglima (14) dengan diiringi oleh lima orang wakil luak-luak yang berkenaan telah ke Pagarruyung untuk mendapatkan seorang anak raja.

Permohonan penghulu-penghulu Negeri Sembilan itu telah diperkenankan oleh Yang Dipertuan Pagarruyung, tetapi memohon tempuh untuk membuat 'pemilihan' dan mengadakan persiapan-persiapan tertentu guna menitiskan 'daulat' dan 'kebesaran' kepada bakal 'simbol keadilan' di rantau Rembau. Setelah utusan itu balik, Yang Dipertuan Pagarruyung telah mengutus Raja

Mahmud untuk menjadi Yamtuan di Negeri Sembilan. Terdahulu daripada itu seorang pembesar, Raja Khatib atau Raja Katik (Rasjid Manggis, 1970:89) telah diutus untuk 'membuka jalan' dan 'mengadakan persiapan' untuk menyambut kedatangan bakal Yamtuan. Raja Khatib telah sampai ke Negeri Sembilan sekitar tahun 1771/2; dan telah mengistiharkan dirinya sebagai anak raja yang diutus oleh Yang Dipertuan Pagarruyung.

Raja Mahmud yang kemudian dikenali sebagai Raja Melewar (15) telah tiba di Rembau di sekitar akhir tahun 1772 atau awal 1773. Beliau, setelah berjaya 'menghapuskan' musuh politiknya serta dapat mempengaruhi Penghulu-Penghulu Luak Sungai Ujong, Ulu Muar dan Johol telah dinobatkan (dikerjankan) menjadi Yamtuan (Yang Dipertuan) di Penajoh Rembau pada tahun 1773.

(b) Penulisan Terkini

Mengikut versi ini Raja Melewar telah berada di Rembau di sekitar awal abad ke lapan belas. Besar kemungkinan Raja Melewar telah mula memerintah (memerintah Negeri Rembau) pada tahun 1700 Masihi, bersamaan tahun Hijrah 1111 (Khoo Kay Kim, 1990:9), dan ditabalkan sebagai 'Sultan Mahmud Shah ibni Al-Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah'. Kenyataan ini adalah berdasarkan sumber Belanda yang menunjukkan bahawa **Raja Rembau** pada ketika itu (tahun 1720an) adalah **Raja Melewar**. Ini bermakna juga bahawa Raja Melewar telah berada di Rembau lebih awal dari Raja Khatib kerana Raja Khatib telah dihantar oleh Raja Kechil (Raja Siak/Johor) ke Rembau pada tahun 1727. Tujuan Raja Khatib ke Rembau adalah untuk menggulingkan Raja Melewar yang sememang telah ditetapkan sebagai raja Rembau.

Pada mulanya Raja khatib telah berjaya mempengaruhi Penghulu Luak Ulu Muar. Kemudian beliau telah cuba meluaskan pengaruhnya ke kawasan-kawasan Seri Menanti, Johol dan Naning. Tetapi dalam serang balas yang dilancarkan oleh Raja Melewar, Raja Khatib telah tewas dan terpaksa melarikan diri ke Naning, di mana dia diberkas oleh orang Belanda dan kemudian dihantar balik ke Siak pada 15 Februari 1728 (Andaya, 1987:412-413; Khoo Kay Kim, 1990:5).

Raja Melewar mungkin telah meninggal dunia pada sekitar tahun 1740an dan untuk selama beberapa tahun Rembau serta negeri-negeri di sekitarnya tidak mempunyai ketua *de facto* atau *de jure*. Pada masa kekosongan ini muncul Raja Adil. Semasa Raja Adil berada di Rembau beliau tidak menggunakan gelaran Yamtuan Besar (seperti Raja Melewar sebelumnya) tetapi gelaran Yamtuan Muda Rembau (Khoo Kay Kim, 1990:9). Apabila Raja Adil meninggal dunia pada tahun 1778, tempatnya telah diambil alih oleh puteranya Raja Asil, juga sebagai Yamtuan Muda. Kekosongan jawatan Yamtuan Besar ini berlanjutan

sehingga penghujung abad ke lapan belas. Bermula dari pertengahan abad tersebut sehingga Belanda menewaskan Raja Haji di Teluk Ketapang (1784), kerajaan Rembau hampir dikuasai oleh orang Bugis. Kerana keadaan politik pada penghujung abad ke lapan belas banyak berubah, boleh jadi, pada masa itulah dihidupkan kembali jawatan Yamtuan Besar dan gelaran itu diserahkan kepada Raja Hitam (16), ipar Raja Asil yang mati pada tahun 1795/6 (Khoo Kay kim, 1990:9).

4.1.2 Puncak Keagungan Kerajaan Melayu Rembau

Apa yang penting mengenai huraian di atas dari segi penulisan ini adalah: dengan hadirnya Raja Melewar di awal tahun 1700an sebagai Yamtuan Besar Rembau dan Negeri Sembilan struktur dan organisasi sosio-politik Rembau dan Negeri Sembilan menjadi **lengkap**. Ianya lengkap dari segi tuntutan keperluan sistem politik bagi sebuah rantau Minangkabau dan juga dari keperluan sosial Adat Perpatih.

Rembau dan Negeri Sembilannya mengambil masa kurang lebih enam ratus tahun untuk muncul sebagai sebuah **kerajaan persekutuan**. Untuk sampai ke tahap ini Rembau terpaksa berkembang melalui tiga peringkat utama iaitu:

- (a) pembentukan petempatan sementara (abad ke 11/12) sehingga wujud atau terdiri sebuah kerajaan di abad ke enam belas (1540);
- (b) perkembangan dan pembangunan sistem sosial dan sistem politik Adat Perpatih di Rembau yang membolehkan Rembau menjadi rantau Minangkabau yang ulung di Semenanjung Tanah Melayu (1540-1673);
- (c) pembentukan persekutuan Negeri Sembilan dengan Rembau sebagai pusat sosio-politiko-budayanya. peringkat ini mengambil masa tidak kurang dari tiga puluh tahun, iaitu sejak kedatangan Raja Ibrahim (1673) sehingga terlantiknya Raja Melewar sebagai Raja/Yamtuan Besar Rembau (1700).

Namun, untuk lebih kurang lima puluh tahun selepas kematian Raja Melewar, iaitu dari tahun 1740an sehingga 1795/6, kesetabilan sosio-politik Rembau dan negeri Sembilan terancam semula kerana kehadiran putera-putera Bugis. Keadaan pulih apabila Raja Hitam ditabalkan sebagai Yamtuan Besar pada tahun 1795.

Bagi kerajaan Rembau, keadaan tidaklah setenang yang diharapkan. Pada tahun 1798 institusi Yamtuan Muda terpaksa dihidupkan kembali (17). Penghulu

Rembau, Datuk Lela Maharaja Kosil (1795-1812) telah menyerahkan sebahagian dari wilayah Rembau Baroh, iaitu Luak Tampin hari ini, kepada Yamtuan Muda Raja Asil (1798-1812). Pertelingkahan (18) antara Penghulu dengan Yamtuan Muda Rembau sampai ke puncaknya pada tahun 1819.

Pada tahun tersebut, Penghulu Rembau (Datuk Seida Raja Bogok atau Bahago - 1812-1819) telah meninggal dunia. Semasa proses pemilihan bakal Penghulu sedang berlangsung Yamtuan Muda ketika itu, Raja Ali (19) (1812-1832) telah melibatkan diri; suatu perbuatan yang, mengikut Braddell, dianggap sebagai "suatu pembaharuan lagi sejak peristiwa perlantikan Yamtuan Muda" (1856:221). Kemudian, di sekitar awal tahun 1830an, Yamtuan Muda telah melibatkan Rembau dalam kancah peperangan antara Naning dengan Inggeris (1831-32). Pada awal perang kerajaan Rembau telah membantu Naning, tetapi kemudian Raja Ali telah berpihak pula kepada Inggeris. Perbuatan belot Raja Ali ini telah menjadi salah satu faktor penentu yang membawa kepada kekalahan dan seterusnya tertakluknya Naning oleh Inggeris.

Titik terakhir yang membawa kepada konfrantasi terbuka antara Penghulu dan Yamtuan Muda Rembau adalah apabila Raja Ali dan pengikutnya cuba membunuh Penghulu Rembau. Akibat dari perbuatan serong Raja Ali itu, perang saudara telah meletus. Perang ini tamat hasil campur tangan Inggeris. Inggeris telah memerintahkan Yamtuan Muda Rembau menjadi pemerintah di Tampin dengan gelaran **Tunku Besar** (Sheppard, 1965:37). Dengan itu, keamanan tercapai, gelaran Yamtuan Muda Rembau dihapuskan; tetapi Rembau terpaksa mengorbankan sebahagian daripda wilayahnya.

Di masa awal pertelingkahan ini, struktur politik dalaman Rembau juga mengalami pembaharuan. Dalam tahun 1831 empat orang Datuk Lembaga Rembau Darat (20) diserap masuk ke dalam majlis pentadbiran kerajaan Rembau (Hervey, 1884:225). Sebelum itu kuasa mereka adalah terhad kepada hal-hal yang berkaitan dengan suku masing-masing sahaja. perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal luar dan dalam serta membuat polisi kerajaan Rembau adalah di tangan Penghulu dan Lembaga Tiang Balai (Baroh) (21). Mulai tarikh itu ahli Lembaga Tiang Balai menjadi lapan orang. Mereka dikenali sebagai **Lembaga Yang Berlapan** atau **Tulang Urat** di samping mengekalkan panggilan asal - Lembaga Tiang Balai.

Fasa terakhir bahagian pertama period ini (1831-1883) adalah zaman kucar kacir dalam arena politik Rembau. Antara peristiwa utama yang berlaku adalah:

- (a) Antara tahun 1831 hingga 1865, seperti yang baru di huraikan di atas, telah berlaku 'pergaduhan' antara Penghulu dan Lembaganya di satu

pihak dengan Yamtuan Muda di pihak lain.

(b) Dalam tahun 1872-73 suatu 'perang saudara' telah meletus hasil dari perebutan pusaka Penghulu, iaitu antara pengikut Haji Mustapha dengan pengikut Haji Sahil (keduanya adalah calon Penghulu). Konflik ini berakhir dengan terpilihnya Haji Sahil sebagai Penghulu dalam tahun 1873 (Thio, 1969:9).

(c) Haji Sahil, semasa pemerintahannya (1873-1883) terpaksa berperang dengan Inggeris berkaitan dengan hal perdagangan di Sungai Linggi (Khoo Kay Kim, 1973:148-50). Konflik itu '**memaksa**' Inggeris mencampuri politik Rembau dengan menggunakan kekerasan senjata, dan akhirnya, pada 27 Mac 1883, Sir Frederick Weld, Gavenor Negeri Selat telah **memecat** Haji Sahil dan '**meletakkan**' Serun bin Bidin sebagai Penghulu Rembau.

Pemecatan Haji Sahil dan perlantikan Serun sebagai Penghulu (1883-1905) adalah satu titik tanda hitam dalam sejarah politik Rembau. Ia adalah merupakan langkah pertama Inggeris dalam proses melibat diri dalam hal ehwal Rembau dan seterusnya memasukkan Rembau di bawah naungannya.

4.2 Zaman Penjajahan Inggeris

Bahagian kedua zaman penjajahan ini bermula dengan kehilangan kuasa juridikal Penghulu dan Lembaga ke atas hal-hal sivil dan jenayah, dan penyerahan soal hasil negeri kepada Inggeris. Dalam kes Rembau, Inggeris bersetuju membayar pemimpin-pemimpin politik adat sepertiga daripada keseluruhan hasil mahsul Rembau; tetapi tidak bagi luak-luak yang lain. Ketua-ketua adat di Luak lain hanya diberi elaun tertentu sahaja. Persetujuan mengenai kes Rembau ini tercapai melalui Perjanjian tahun 1887. Kesahihan Perjanjian ini adalah diragukan kerana pada dokumen berkenaan tidak terdapat sebarang tanda atau tandatangan Penghulu dan Datuk-Datuk Lembaga (Lembaga Tiang Balai) Rembau (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976:63).

Dalam tahun 1889 Rembau bergabung dengan Johol dan Tampin yang telahpun bernaung di bawah Inggeris, membentuk suatu persekutuan (Maxwell dan Gibson, 1924:51-52). Sungai Ujong dan Jelevu yang telah terlebih dahulu bernaung di bawah Inggeris menganggotai persekutuan tersebut dalam tahun 1895 untuk membentuk Persekutuan Negeri Sembilan moden. Tiga tahun kemudian Penghulu-Penghulu Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau bersetuju mengakui Tuanku Muhammad (1889-1933), Yamtuan Seri Menanti sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Dengan perjanjian itu, Rembau yang pernah mengecap keistimewaan sebagai pusat sosio-politik dan budaya alam Adat Perpatih di Semenanjung Tanah Melayu, mempunyai jajahan takluk sendiri, mulai tahun 1898 hanya wujud sebagai sebuah sub-daerah (daerahnya Tampin) dalam persekutuan Negeri Sembilan baru itu.

Penguatkuasaan pemerintahan kolonial Inggeris ke atas Negeri Sembilan yang bermula pada tahun 1874 (Sungai Ujong) telah merubah secara kritikal organisasi politik dan sosial masyarakat Adat Perpatih ini.

4.2.1 Perubahan Sosio-Politik

Inggeris telah menghakis dan menolak keberfungsian sistem politik yang berbentuk perwakilan berdasarkan kekeluargaan yang mencirikan kehidupan masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan. Kuasa-kuasa dan kewibawaan Penghulu (di zaman Inggeris dipanggil **Undang**), Datuk-Datuk Lembaga dan ketua-ketua adat yang lain (Buapak, Besar dan kadim) telah dibayangi dan diganti dengan jentera pentadbiran baru - residen dan Pegawai Daerah. Pegawai Daerah mentadbirkan daerahnya dengan dibantu oleh penghulu mukim yang pula disokong oleh Ketua kampung.

Kuasa penghulu mukim bertambah dengan meningkatnya tanggungjawab pentadbiran kolonial. Pejabat penghulu mukim yang terletak di bahagian bawah dalam hiraki pentadbiran penjajah telah menjadi penting dalam pentadbiran desa. Penghulu mukim adalah orang perantaraan antara kuasa-kuasa kerajaan sekular, keagamaan dan ketua-ketua adat di Negeri Sembilan.

Dalam kes ini, apa yang hendak saya utarakan di sini adalah tidak seorompok pegawai adat (baik Lembaga, Buapak atau Besar) yang dilantik atau diserapkan ke dalam jentera pentadbiran Inggeris - walaupun ke peringkat yang paling terendah - ketua kampung. Mereka tidak terlibat langsung dalam sebarang hal pentadbiran melainkan yang berkaitan dengan adat. Malahan dalam soal adatnya Inggeris masih menekankan kekuasaannya. Justeru itu, menjelang tahun 1889, dengan Rembau sebagai wilayah terakhir dinaungi Inggeris, wujudlah suatu keadaan **dualistik** dalam sistem politik Negeri Sembilan. Sistem dualistik ini dicirikan oleh, di satu pihak: sistem politik kesukuan (politik adat) yang telah dieviseratkan meskipun secara formal tidak terjejas; dan di pihak lain wujud pula sistem politik yang tertakluk kepada hegemoni peralatan birokratik yang berkuasa tinggi dan yang semakin dipusatkan dengan tujuan memelihara peraturan dan undang-undang, pengutipan hasil, dan pembangunan cara hidup kapitalistik secara umum.

4.2.2 Perubahan Demografi

Kemasukan Inggeris juga telah merubah pola kependudukan Negeri Sembilan. Di Rembau misalnya, sebelum tahun 1889, bilangan penduduk bangsa asing, terutama sekali orang Cina, yang tinggal di situ sangat sedikit, meskipun ada yang datang sebagai peniaga damar dan rotan (Khoo Kay Kim, 1973:152). Ada beberapa orang Cina yang cuba memperkenalkan perusahaan penanaman ubi kayu secara besar-besaran di akhir 1870an dan di awal 1880an (Sadka, 1968:345), namun mereka telah dipaksa keluar oleh orang-orang Melayu setempat (Skinner, 1878:229). Selepas kemasukan Inggeris orang-orang Cina telah masuk dengan lebih bebas dan ramai yang membuat petempatan di Negeri Sembilan. Kebanyakan dari mereka adalah pekerja-pekerja yang diimpor Inggeris, mula-mula sebagai buruh, kemudian sebagai peniaga.

Di samping orang Cina, orang India juga telah sampai ke Negeri Sembilan. Tidak seperti orang Cina, mereka diperkenalkan sebagai buruh oleh Inggeris apabila mereka membuka ladang besar-ladang besar disekitar tahun 1910an. Orang India ini tidak bertanding dengan orang Melayu kerana mereka datang khusus untuk bekerja di estet kepunyaan Inggeris dan akhirnya mereka terasing dari penduduk setempat.

Perubahan demografi ini adalah secara langsung disebabkan oleh polisi Inggeris yang sangat bergantung kepada pekerja impot dan yang tidak memisahkan orang Melayu Negeri Sembilan dari cara pengeluaran tradisi mereka secara keseluruhan; dan tidak memansuhkan secara total sistem-sistem ekonomi asli dan sosial rakyat tempatan tetapi sebaliknya terus berfungsi (antara hidup dan mati) di sepanjang period dominasi kolonial.

4.2.3 Pendidikan Sekular

Di samping mewujudkan suatu sistem pentadbiran birokratik yang kompleks Inggeris juga memperkenalkan sekolah-sekolah sekular di Negeri Sembilan. Ekoran dari ini dan atas sebab-sebab tertentu proses sosialisasi menajdi lebih kompleks.

Berkaitan dengan perkara ini, apa yang harus diingat ialah Adat Perpatih itubukan sahaja merupakan suatu set amalan sosial, budaya dan ekonomi tetapi juga adalah suatu tradisi intelektual. Justeru itu, meskipun adat itu tidak ditulis dan tidak dikodifikasi sehingga kedatangan tamaddun Islam, penurunan mengenai perkembangan dan penyerapan gagasan pengetahuan yang terkandung di dalamnya adalah penting. Saya berpendapat proses ini adalah suatu pendidikan **indigenous** walaupun ia kekal dengan ciri informal dan lisan. Dengan itu apabila Inggeris memperkenalkan sistem pendidikan sekular,

pendidikan bukan hanya lagi suatu pemindahan parental mengenai kemahiran tradisi dan nilai-nilai adat; tetapi pendidikan itu sendiri telah menjadi setengah terpisah dari konteks keluarga dan ditumpukan terutamanya kepada penguntukan, pemilihan dan melatih individu-individu supaya berperanan dalam suatu masyarakat yang sedang berubah.

Di Negeri Sembilan, dengan kedatangan Inggeris, dua bentuk pendidikan dapat dikenalpasti: satu informal (agama) dan yang lagi satu formal (sekular). Bentuk pendidikan terakhir ini telah mewujudkan beberapa jenis institusi yang berbeza, iaitu Sekolah Melayu, Sekolah Inggeris dan Sekolah Pertukangan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976:177).

Mengikut Sutcliffe, kebanyakan ketua adat di Negeri Sembilan gagal untuk mendapatkan pendidikan untuk anak buah-anak buah mereka (1956:163), melainkan Rembau (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976:184). Di Rembau ada ketua-ketua adat yang sangat berminat dalam mendapatkan pendidikan sekular. Hasil dari dayausaha mereka, sekolah Melayu pertama telah didirikan pada tahun 1893 di Rembau. Penghulu/Undang Rembau ketika itu, Datuk Sedia Raja Serun bin Sidin (1883-1905) walau bagaimanapun tidak berpuas hati dengan keadaan sekolah yang ada kerana kesemuanya adalah untuk kanak-kanak lelaki. Maka pada tahun 1897, beliau memohon grant untuk mendirikan sebuah sekolah khas bagi kanak-kanak perempuan (**Annual Report of D.O. Tampin for 1897**, para 77). Permohonan Penghulu/Undang Rembau ini tidak dapat dipenuhi kerana Inggeris berpendapat perkembangan tersebut adalah pra masa untuk Negeri Sembilan, malahan untuk Negeri-Negeri Bersekutu amnya, dan Rembau khususnya. Inggeris secara resmi meragui kebolehan masyarakat Melayu memberikan sebarang kepentingan kepada faedah pendidikan kanak-kanak perempuan (Sutcliffe, 1956:182).

Pada tahun 1910 di Rembau telah terdiri empat buah sekolah Melayu. Tahun ini juga menampakkan satu lagi perubahan kerana pada tahun berkenaan kumpulan pertama kanak-kanak perempuan telah diberi peluang dan tempat untuk belajar di beberapa buah sekolah di daerah itu. Menjelang tahun 1920 bilangan sekolah di Rembau telah bertambah menjadi tiga belas buah dengan beberapa buah sekolah khas untuk kanak-kanak perempuan.

Kemasukan pendidikan moden yang disimpulkan oleh Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Bersekutu sebagai ".....menjadikan anak-anak nelayan dan petani nelayan-nelayan atau petani-petani yang lebih cerdik dari bapanya....." (22) (**Annual Report, Federated Malay States, 1920:13**), telah memainkan peranan signifikan dalam merubah Adat Perpatih. Pandangan ini sejajar dengan dapatan Lewis yang membuat kajilidikan di Inas, yang berkesimpulan: ".....kuasa paling efektif untuk perubahan dan modenisasi adalah sistem pendidikan

sekular anjuran kerajaan....." (1962:315).

Sekolah Melayu, walaupun bukan suatu institusi efisien, yakni ia sangat sedikit memberikan perubahan yang dijanjikan, namun oleh kerana keadaan semulajadinya memperkenalkan teknik-teknik praktikal untuk menghadapi perubahan telah meletakkan asas untuk pemikiran progressif. Dan pemikiran progressif ini telah membuahkan hasil apabila orang Melayu secara mendadak di sedarkan oleh penaklukan Jepun di sekitar tahun 1940an, walaupun di pihak lain pemikiran progressif ini juga secara tidak langsung telah **memperkecilkan** sistem-sistem nilai dan moral Adat Perpatih.

4.2.4. Perubahan Hak Milik Tanah

Satu lagi perubahan penting yang dibawa Inggeris adalah berkaitan dengan hak milik tanah. Sehingga tahun 1900 sikap orang Eropah terhadap tanah memberi kesan yang sedikit ke atas sistem tenure tanah orang-orang Melayu Negeri Sembilan.

Dalam keadaan tradisi secara umum di Negeri Sembilan dapat tiga jenis tanah: tanah waris, tanah suku dan tanah tebus. Tanah waris boleh diteroka oleh ahli masyarakat adat dengan isbat Lembaga dan Penghulu/Undang. Sistem ini dengan sendirinya memberikan dan mewujudkan perimbangan kuasa ekonomi di kalangan suku-suku.

Apabila Inggeris memasuki Negeri Sembilan mereka mempunyai konsep yang berlainan mengenai tanah waris. Mereka menganggap semua tanah yang tidak diusahakan adalah di bawah kategori ini dan dengan itu terbuka untuk dijual beli atau disewa bagi menjalankan perusahaan perlombongan bijih timah dan perladangan pertanian (Peletz, 1983:232-33). Dengan fahaman ini, Inggeris mula mendirikan suatu sistem pertanian ladang secara besar-besaran di atas 'tanah waris'. Firma-firma British turut serta dan akibatnya perusahaan perlombongan timah menjadi semakin meluas. Mereka, untuk mendapatkan buruh bagi perusahaan-perusahaan kapitalis ini telah menggalakkan imigrasi pekerja-pekerja asing dan menggajikan mereka sebagai pekerja-pekerja upahan atau orang gaji berkontrek. Keadaan ini membawa kepada pengwujudan penduduk multi-ethnik di Negeri Sembilan.

Peladang-peladang - kebanyakannya orang Inggeris dan beberapa orang Cina - telah meluaskan estet-estet dan kadangkala memohon membeli jaluran tanah kampung, malahan tanah sawah untuk tujuan konsolidasi. Keadaan ini akan menimbulkan masalah yang serious. Ia mungkin akan meransang orang-orang Melayu untuk menjualkan tanah mereka kepada bangsa asing. Perbuatan demikian, jikalau berluasa akan mengakibatkan orang Melayu kehilangan

sumber penghidupannya. (Hooker, 1972:168). Di samping itu, orang Inggeris secara amnya menentang keseluruhan sistem hak milik tanah secara adat di Negeri Sembilan yang memberikan hak kepada wanita. Mereka dengan terang menganggap sesuatu sistem di mana hak-hak provisional ke atas tanah diserahkan kepada wanita dengan mengeneipkan orang lelaki sebagai sesuatu yang tidak natural (Peletz, 1983:235).

Dengan itu, pada tahun 1909 kerajaan British telah campur tangan secara langsung dalam amalan pewarisan hak milik tanah Negeri Sembilan dan meluluskan **Customary Tenure Enactment**. Inti pati **Enactment** ini adalah: kesemua hak milik orang Melayu ke atas tanah sawah dan kawasan tempat tinggal harus didaftarkan di bawah nama pemilik individu.

Pengimplimentasian Enakmen ini adalah merupakan suatu perubahan radikal. Ia membolehkan kerajaan mengeneipkan tanah-tanah tertentu, terutama sekali tetapi tidak semata-mata, yang sesuai untuk penanaman padi dan untuk kegunaan mereka. Orang Inggeris juga menggalakkan orang lelaki Melayu membeli dan memiliki tanah sendiri, di mana merek aboleh menanam tanaman kontan. Sehubungan dengan ini, polisi Inggeris ini mempunyai kesan yang tidak pernah terjadi sebelumnya, iaitu seorang lelaki mempunyai hak tanah tersendiri, bebas dari pengaruh isteri dan saudara-mara (sesuku). Akhir sekali tetapi bukan yang penyudah ialah Enakmen ini telah **menghapuskan** hak Penghulu/Undang dan Lembaga ke atas tanah waris (tanah kosong) di Luak dan suku masing-masing.

Akta tanah adat ini telah melalui proses perkembangan dan perubahan. Akta 1909 telah diganti dalam tahun 1926, yang dalam tahun 1930 telah pula diperbaiki dan dipinda. Enakmen-Enakmen dan pindaan-pindaan inilah yang menjadi sebahagian besar dari isi akta yang hari ini dikenali sebagai **Chapter 215** atau ringkasnya **Cap. 215**. Penggubalan, perubahan serta pindaan yang dilakukan ke atas akta ini adalah, antara lain untuk menggalakkan individu dan bukannya kumpulan kelompok kekeluargaan untuk menguasai tanah yang masih belum dikategorikan atau didaftarkan sebagai tanah adat.

Perkembangan ini selanjutnya telah memberi kesan yang kuat ke atas kedinamian ketuanan tanah di kalangan orang Melayu Negeri Sembilan. Kuasa ekonomi dan politik suku dan terutama sekali, mungkin kuasa wanita telah menjadi semakin lemah dengan kehilangan sebahagian besar dari harta produktif (tanah tak bertebus) mereka. Di samping itu, injap keselamatan dalam bentuk pembukaan kawasan hutan dara baru (apabila penduduk suku bertambah atau untuk keperluan-keperluan tertentu keluarga-keluarga dalam suku berubah) telah dihapuskan. Pengecilan tanah secara drastik ini dan berlanjutnya penyekatan ke atas sumber yang ada pada sesuatu suku telah menimbulkan

tekanan yang agak besar dan membawa kepada bertambahnya keadaan tidak seimbang dalam pemilikan tanah. Setakat yang tertentu, keadaan ini telah 'memaksa' ahli-ahli suku untuk berhijrah keluar mencari pekerjaan.

4.2.5. Perubahan Terakhir (?)

Menjelang awal abad kedua puluh kuasa yang ada pada Penghulu/Undang dan Lembaga sangat sedikit; itupun dalam aspek-aspek tertentu yang berkaitan dengan undang-undang adat seperti pewarisan tanah pusaka adat. Sebaliknya kuasa Inggeris adalah lebih jelas, malahan lebih kuat dari pengaruh Yang Dipertuan Besar. Misalnya dalam tahun 1905, di Rembau telah meletus perebutan jawatan pusaka Undang. Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad (1883-1933) atas inisiatifnya sendiri (mungkin atas dasar sebagai 'lambang keadilan') telah melantik Bidin sebagai Undang baru. Perlantikan beliau ini telah ditolak oleh ketua-ketua adat Rembau yang sebaliknya telah melantik Haji Sulong. Perlantikan Haji Sulong ini telah **dipersetujui** dan **diizinkan** oleh Gavernor Inggeris di Singapura. Walau bagaimanapun, Haji Sulong telah **dipaksa** turun dari jabatan pusaka itu atau '**dipecat oleh orang Inggeris**' (iaitu kuasa yang **mengizinkan** perlantikannya) kerana sikap permusuhannya terhadap orang Inggeris dan terhadap ketua-ketua adat yang 'bersekutu' dengan Inggeris (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976:67-68).

Inggeris, setelah memecat Haji Sulong telah 'melantik' Abdullah bin Dahlan menjadi Undang Rembau (1922-1938). Beliau adalah Undang yang paling terkemuka di kalangan Undang-Undang Luak Rembau dan mungkin di Luak-Luak adat yang lain di abad dua puluh kerana peranan yang dimainkannya serta pengaruhnya, bukan sahaja di peringkat lokal tetapi juga negara (Beliau adalah Ahli Tidak Resmi Majlis Persekutuan (Federal Council) sejak 1927 dan merupakan, disamping Raja Chulan dari Perak, orang yang paling lantang membela bangsa Melayu).

Abdullah semasa menjadi Undang telah cuba merubah kedudukan ketua-ketua adat di Rembau, terutama sekali Datuk-Datuk Lembaga dengan menyerapkan mereka ke dalam struktur pentadbiran baru. Untuk tujuan ini beliau telah melantik beberapa orang Datuk Lembaga yang berpendidikan dan mempunyai kekuatan peribadi serta kemungkinan sebagai pemimpin menjadi penghulu mukim. Dengan demikian diharap mereka akan dapat kembali sebahagian dari kuasa yang telah dilupuskan oleh sistem pentadbiran penjajah (Norhalim Hj. Ibrahim, 1989 (b): 15). Di masa yang sama beliau telah menasihati Datuk-Datuk Lembaga yang lain agar merubah cara hidup mereka, terutama sekali penglibatan mereka dalam rasuah semasa menjalankan undang-undang adat; jikalau tidak mereka dinasihatkan supaya meletakkan jawatan. Malahan pada suatu masa, beliau pernah mengancam untuk membubarkan kelompok

kekeluargaan suku (Norhalim Hj. Ibrahim, 1989 (b):16). Walau bagaimanapun usaha beliau ini tidak membuahkan hasil kerana di zaman akhir pemerintahannya Datuk-Datuk Lembaga yang 'dijadikan' penghulu mukim telah diganti semula dengan 'orang bukan adat' oleh penjajah.

Dalam tahun 1927 beliau telah meminta guru-guru agama dan orang-orang berpendidikan di Rembau supaya mempengaruhi dan memujuk Datuk-Datuk Lembaga dan generasi muda untuk 'mengeneipkan' adat, terutama sekali aspek pewarisan tanah. Dalam usaha ini, beliau telah mendapat sokongan dari seorang tokoh agama terkenal, Haji Mohamad Said, seorang orang semenda di Kampung Sewa Raja. Usaha ini telah menemui kegagalan; dan Haji Mohamad Said telah berpindah ke Seremban di Sungai Ujong. Di Sungai Ujong, walau bagaimanapun Haji Mohamad Said telah berjaya mempengaruhi Undang (Datuk Kelana Makmur bin Datuk Menteri Kassim, 1889-1945) dan rakyat Sungai Ujong untuk mengikut pandangannya. Justeru itu, di Sungai Ujong aturan adat berkait dengan tanah pusaka adat dan tanah pusaka adat itu sendiri telah dimansuhkan.

Abdullah juga telah cuba menghapuskan prinsip eksogami suku dan memujuk rakyat Rembau agar mengikut aturan Islam dalam mencari dan pemilihan jodoh. Walau bagaimanapun percubaan ini juga telah menemui kegagalan melainkan pujukannya untuk menerima satu resolusi yang berkaitan dengan **harta carian**, iaitu ia harus di pindah milikkan mengikut undang-undang Islam.

Satu lagi pembangunan yang diperkenalkannya dan masih kekal sehingga hari ini adalah pembentukan **Tabung Waris** (Waris Fund) Rembau. Tujuan tabungan ini adalah untuk membantu anak-anak Rembau yang berkebolehan tetapi tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran. Setakat ini ramai anak-anak Rembau telah berjaya mencapai tahap kejayaan yang tinggi hasil dari bantuan tabung ini.

5. KEPENDUDUKAN JEPUN

Tidak banyak yang dapat diperkatakan mengenai sejarah terutama sejarah adat Negeri Sembilan yang melibatkan zaman ini. Antara sebab utamanya ialah sangat kurang, malahan sejauh yang diketahui tidak ada lagi sebarang penyelidikan intensif yang membicarakan sejarah Negeri Sembilan dalam rangka jangkamasa ini.

Dokumen-dokumen dan rekod-rekod yang berkaitan dengan zaman ini tidak banyak yang diperolehi. Malahan pejabat Undang Rembau (Balai Undang) yang mula memfailkan kesemua dokumen berkaitan dengan pentadbiran adat

Rembau sejak akhir tahun 1920an tidak banyak menyimpan rekod penting mengenai zaman ini. Fail-fail yang dibuka pada zaman ini hanya berkaitan dengan perlantikan baru ketua-ketua adat. Walau bagaimanapun terdapat satu fail - U.R. (M) 19/2602 - yang dapat memberi maklumat akan kegiatan Datuk-Datuk Lembaga Rembau pada zaman ini.

Menurut catitan dalam fail ini Datuk-Datuk Lembaga Rembau telah ditugaskan oleh Undang untuk melawat kawasan anak buah masing-masing dan 'menasihatkan mereka agar bercucuk tanam'. Untuk memastikan arahan ini dilaksanakan, setiap Datuk Lembaga telah diminta membuat laporan harian mengenai kegiatan mereka. Dalam laporan itu mereka dikehendaki mengisi dua ruang, iaitu ruang masa/jam dan ruang aktiviti yang dijalankan. Laporan ini diserahkan kepada Datuk Undang, Datuk Lela Maharaja Haji Ipap bin Abdullah (1938-1962). Berdasarkan surat Haji Ipap kepada Pegawai Jajahan Tampin, Abdul Malik bin Yusof (kemudian bergelar Dato' dan akhirnya bergelar Tun, bekas Gavernor Melaka yang pertama) daripada dua puluh tiga orang Datuk Lembaga Rembau hanya lima belas orang atau 65% sahaja yang membuat laporan (lihat surat Undang Rembau kepada Pegawai Jajahan Tampin, No. 17 dalam U.R. (M) 19/2602).

Berdasarkan fakta di atas kita hanya boleh mengandaikan bahawa di zaman pemerintahan Jepun tidak ada sebarang perubahan penting yang berlaku dalam perkembangan sejarah adat di Negeri Sembilan. Adat secara keseluruhannya mungkin telah berjalan sebagaimana ia ditadbirkan di masa-masa sebelumnya. Malahan kegiatan Datuk-Datuk lembaga seperti yang baru dinyatakan di atas, setidak-tidaknya berdasarkan fail yang disebutkan hanya berjalan untuk selama tiga bulan sahaja - daripada November 1942 sehingga Februari 1943.

Berkaitan dengan zaman ini, Luak Rembau mungkin mempunyai keistimewaan tersendiri kerana beberapa tahun sebelum Datuk Sedla Raja Abdullah dipecat, beliau telah melawat negara Jepun. Semasa berada di sana beliau telah berkesempatan menemui Maharaja Jepun. Dalam pertemuan tersebut beliau telah dianugerahkan sepersalinan pakaian dan sebuah 'cop'. Apa yang berlaku dan dibincangkan oleh kedua orang pemimpin ini, sehingga ke hari ini masih menjadi mistri kerana pertemuan mereka berlaku di antara empat mata sahaja. Justeru itu, peristiwa pertemuan ini sendiri menimbulkan beberapa persoalan yang perlu jawapan melalui suatu penyelidikan sistematik. Datuk Abdullah telah meninggal dunia sebelum Tanah Melayu di takluki Jepun.

Selain daripada persoalan yang baru disebutkan tadi, persoalan-persoalan lain yang berkaitan dengan adat dan sejarah Negeri Sembilan harus di cari jawapan. Antara persoalan itu adalah:

- (a) Bagaimanakah rupa bentuk perhubungan antara pemimpin-pemimpin adat dengan pegawai-pegawai tentera Jepun, baik di peringkat Luak mahupun di peringkat Negeri?
- (b) Pada peringkat manakah adat berfungsi secara efektif: peringkat kampung, Luak atau Negeri?
- (c) Adakah ketua-ketua adat 'digunakan' selain dari yang dinyatakan di atas tadi, dalam menjalankan pentadbiran harian Luak dan/atau Negeri?
- (d) Dan, adakah telah berlaku penyusunan semula struktur dan organisasi adat guna menyesuaikannya dengan pentadbiran harian pihak berkuasa Jepun?

Jikalau persoalan-persoalan yang dinyatakan di atas dan persoalan-persoalan lain tidak diberi jawapan maka akan berlaku suatu kekosongan dalam pensejarahan sosial, budaya dan politik Negeri Sembilan.

Satu perkara dapat diutarakan mengenai penaklukan ini. Kependudukan Jepun, walaupun berlaku dalam suatu jangkawaktu yang singkat (tiga setengah tahun sahaja) adalah suatu pengalaman traumatik bagi orang Melayu, bukan sahaja di negeri Sembilan tetapi juga di wilayah-wilayah lain di Semenanjung Tanah Melayu. Ia memberikan sejenis kematangan yang membolehkan orang Melayu menentang pengkolonisasi semula negeri ini apabila Inggeris kembali dalam tahun 1945.

6. ZAMAN PRA KEMERDEKAAN

Kependudukan Jepun, sebagai dinyatakan di atas, telah membangunkan orang Melayu dan menyedarkan mereka bahawa tuan Inggeris mereka tidaklah se'baik' dan se'pemurah' yang disangka. Dari itu, apabila **British Military Administration** (BMA) yang mengambil alih kuasa dari tentera Jepun cuba memperkenalkan konsep **Malayan Union** orang Melayu telah bangun menentangnya. Orang-orang Melayu telah bersatu dan kesatuan ini beberapa tahun kemudian telah menjadi satu parti politik Melayu yang kuat dan padu, dikenali sebagai **United Malay National Organization** atau lebih terkenal dengan **UMNO** sahaja. UMNO telah menubuhkan cawangan dan bahagian di merata Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Negeri Sembilan.

Dengan adanya keadaan ini, tahun-tahun antara 1945 dan 1957 itu bagi saya, adalah fasa pertama period kemerdekaan. Zaman berkenaan ini adalah kritikal dalam ertikata pada masa tersebut asas kemerdekaan telah mula dibina. Dalam masa yang sama itu juga adat sebagai satu tradisi dan sebagai suatu

kerangkakerja yang menentukan pelakuan ahlinya telah menjadi lebih cair.

Penubuhan UMNO di Negeri Sembilan, secara tidak langsung telah mewujudkan satu lagi jenis pemimpin di kalangan orang-orang Melayu selain dari dua jenis (adat dan birokratik) yang sedia ada. Pemimpin-pemimpin UMNO dapat dianggap sebagai satu jenis pemimpin di kalangan orang-orang Melayu Negeri Sembilan kerana sejak penubuhannya sehingga kini, UMNO merupakan satu-satunya parti politik utama di Negeri Sembilan. Di masa awal penubuhannya, pada peringkat daerah ketua UMNO Bahagian dianggap sebagai setaraf dengan penghulu mukim dan ketua cawangan sama seperti ketua kampung. Setiap cawangan UMNO mempunyai berbagai unit seperti unit kaum ibu dan unit pemuda. Setiap unit itu mempunyai ketua. Beberapa orang dari pemimpin UMNO di Negeri Sembilan, misalnya di Kuala Pilah adalah juga pemimpin-pemimpin adat; tetapi di Rembau, ketua-ketua adat tidak ada yang terlibat dalam kepimpinan politik.

UMNO, pada zaman awal penubuhannya, sama juga seperti zaman awal kedatangan orang Inggeris, tidak sangat menunjukkan minat terhadap adat, sekurang-kurangnya tidak secara terbuka. Tetapi pada akhir tahun 1950 Barisan Agama UMNO Rembau telah menimbulkan isu sensitif berkaitan dengan adat dan Islam; dan persoalan kemelutnya adalah berkisar mengenai pewarisan harta pusaka. Konflik ini telah menjadi polemik terbuka dalam bulan Februari 1951 apabila isu berkenaan diterbitkan dalam akhbar harian *Utusan Melayu*. Kontroversi ini berjalan untuk hampir setahun dan akhirnya surut begitu sahaja. Konflik ini pada keseluruhannya tidak membawa sebarang perubahan penting kepada struktur dan organisasi adat (22).

Menjelang akhir pertama period ini, minda orang Melayu seluruhnya, orang Melayu di Negeri Sembilan tidak terkecuali, adalah tertumpu kepada perjuangan mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1955 seluruh negara sedang menghadapi pilihan raya umum pertama dan dengan itu UMNO di Negeri Sembilan tidak ada masa untuk memikirkan tentang adat. Walau bagaimanapun, di masa period peralihan ini suatu kelompok pemimpin baru telah muncul dalam kehidupan harian rakyat Negeri Sembilan. Mereka ini adalah terdiri dari individu yang **dilantik** Inggeris sebagai 'wakil rakyat', sama ada diperingkat Majlis Persekutuan atau Majlis Negeri. Selepas pilihan raya 1955 sebahagian daripada mereka yang duduk dalam majlis-majlis berkenaan adalah wakil rakyat yang **dipilih** dan dengan itu mempunyai aturan kuasa yang berlainan dari wakil rakyat lantikan Inggeris. Mereka ini adalah jenis pemimpin baru yang akan memberi kesan berbeza kepada organisasi adat.

7. ZAMAN KEMERDEKAAN

Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957.

Mulai tarikh itu, Negeri Sembilan seperti juga negeri-negeri Melayu lain tidak lagi mempunyai Residen British. Walau bagaimanapun, struktur pentadbiran tidak banyak berubah; personel yang dahulunya Inggeris diganti dengan orang tempatan. Pada waktu yang sama pemimpin-pemimpin politik menjadi semakin penting dalam senario tempatan. Mereka datang daripada dua peringkat - ahli parlimen dan ahli dewan negeri. Di samping mereka terdapat pula ketua-ketua parti di peringkat bahagian dan cawangan. Dengan itu, sehingga ke hari ini terdapat tiga jenis pemimpin utama di Negeri Sembilan - birokratik, politik dan adat. Kesemua jenis pemimpin tersebut adalah pemimpin formal, dan diantara mereka, pemimpin-pemimpin birokratik dan politik adalah dipandang tinggi oleh orang-orang Melayu setempat.

7.1 Konflik Adat

Sejak mencapai kemerdekaan sehingga sekarang ini terdapat berbagai konflik adat yang berlaku di Negeri Sembilan. Secara keseluruhan ia dapat dikumpulkan kepada dua jenis - konflik dalaman dan konflik luaran.

7.1.1. Konflik Dalaman.

Konflik dalaman bermaksud pertelingkahan yang berlaku dalam sistem adat itu sendiri. Isu utama konflik kategori ini adalah mengenai mengisi kekosongan jawatan pusaka adat, dan ia dapat pula dipecahkan kepada dua jenis berdasarkan status jawatan pusaka yang diperebutkan: peringkat bawahan dan atasan.

(a) Konflik Peringkat Bawahan

Konflik ini berlaku semasa pemilihan Datuk-Datuk lembaga, Buapak dan Besar. Contohnya di Rembau: Sejak awal 1960 hingga akhir 1968 satu pertelingkahan telah berlaku dalam perantukan satu pusaka Buapak bagi sebuah perut dalam satu suku. Akibatnya, untuk hampir lapan tahun perut berkenaan telah diterajui oleh dua orang Buapak pada satu masa yang sama (Norhalim Hj. Ibrahim, 1988:162-164). Konflik kategori ini bukan sahaja berlaku di Rembau tetapi juga di Luak-Luak lain di Negeri Sembilan (Ismail Ambia, 1959) hanya ia jarang dilaporkan atau mendapat perhatian akhbar tempatan (24).

(b) Konflik Atasan

Konflik jenis ini melibatkan jawatan pusaka adat peringkat atas iaitu Penghulu atau Undang dan jawatan lain yang setaraf atau hampir setaraf dengannya. Oleh sebab konflik jenis ini melibatkan status yang tinggi dalam

hiraki kepimpinan adat ia mendapat publisiti yang lumayan dalam akhbar-akhbar harian tempatan. Antara konflik yang timbul adalah:

- (i) Di Sungai Ujong di awal tahun 1980an telah terdapat dua krisis. Pertama perlantikan Datuk Bandar yang telah diselesaikan apabila terlantik Datuk Bandar baru pada 11hb. Julai 1983. Kedua ialah perlantikan Datuk Kelana yang bermula pada tahun 1983 dan sehingga sekarang masih belum dapat diselesaikan lagi.
- (ii) Perlantikan Undang Jelebu. Krisis ini bermula pada tahun 1980 dan berlanjutan sehingga tahun 1985 walaupun Undang Luak Jelebu yang baru telah dikerjankan dengan resmi pada bulan April 1981.
- (iii) Krisis kedudukan Tunku Besar Tampin. Krisis ini telah bermula sejak tahun 1976, tetapi hanya mendapat publisiti akhbar harian disekitar tahun 1985 dan menghilang begitu sahaja di akhir tahun 1988.
- (iv) Dan, kekecohan (atas sebab tidak puas hati) semasa kerjan Undang Luak Johol yang ke 12. Kekecohan ini berlaku awal tahun 1987.

7.1.2. Konflik Luaran

Apa yang dimaksudkan dengan konflik luaran ini ialah perselisihan faham antara penganut adat dengan agensi luar adat, seperti konflik tahun 1951 iaitu antara adat dan UMNO. Sejak mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini hanya sekali sahaja berlaku konflik bentuk ini yang mendapat liputan dalam akhbar tempatan. Konflik ini telah terjadi di sekitar tahun 1968.

Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan selepas sepuluh tahun merdeka adalah terlalu lembab. Dari segi pertanian Negeri Sembilan merupakan salah sebuah negeri yang mundur. Menteri Besar Negeri Sembilan pada ketika itu, semasa menyentuh soal ekonomi dalam suatu ceramah di Seremban telah menyatakan bahawa kerajaan Negeri Sembilan mungkin menimbang semula sikapnya terhadap Adat Perpatih kerana pada pandangannya (Menteri Besar) kesinambungan amalan adat tersebut adalah penghalang kepada perkembangan ekonomi negeri. Beliau memberi alasan bahawa kewujudan keadaan ini adalah disebabkan oleh kebanyakan tanah pertanian adalah terdiri dari tanah pusaka adat yang dipunyai oleh kaum wanita (80%); dan oleh pemecahan milik tanah akibat dari aturan pewarisan adat. Selanjutnya beliau beralasan bahawa sistem kekeluargaan Adat Perpatih telah melemahkan semangat ahli lelaki masyarakat adat Negeri Sembilan.

Akibat dari ceramah ini suatu kontroversi telah timbul. Kali ini ia bukannya

persoalan adat dan agama atau adat dan politik tetapi adat dengan ekonomi moden atau adat dengan 'Dewan Negeri'. Dalam kontroversi ini, walaupun ianya mempersoalkan kewibawaan adat dalam pembangunan, ketua-ketua adat tidak terlibat secara langsung. Kontroversi ini telah surut di akhir tahun berkenaan (1968) juga tanpa sebarang keputusan ataupun kebulatan mengenai pokok persoalan iaitu adat adalah faktor penyebab kepada kemunduran ekonomi Negeri Sembilan (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976:72-73).

7.1.3. Mengapa Konflik?

Persoalan: mengapa ada konflik? dan mengapa kadangkala ianya berlarutan untuk suatu jangkamasa yang panjang?, harus dicari jawapan. Ianya adalah penting dalam melihat (mengkaji) sejarah perkembangan Adat Perpatih Negeri Sembilan.

Ada berbagai punca yang boleh menyebabkan timbulnya keadaan ini. Bagi saya, secara umum antara sebab-sebab itu adalah:

(i) **kurang kefahaman** mengenai perjalanan tradisi adat itu oleh generasi sekarang, atau/ dan generasi baru telah memberikan intepetasi baru kepada adat tersebut. Keadaan ini wujud kerana sistem pendidikan sekarang, terutama sekali di zaman sebelum merdeka. Oleh sebab generasi 'lama' sekarang ini menerima pensosialisasian mereka di zaman tersebut (sebelum merdeka = zaman peralihan), ia telah memberi kesan dalam melemahkan lagi proses penginternalisasian adat kepada generasi berikutnya. Akibatnya generasi muda, sangat sedikit jikalau ada, yang dapat memahami tradisi adat itu secara menyeluruh.

(ii) **pengaruh pemimpin-pemimpin** politik dan juga pemimpin-pemimpin birokratik. Oleh sebab ketua-ketua adat yang berkenaan (konflik atasan) mempunyai status yang tinggi, mereka mungkin mahukan sokongan ketua-ketua adat berkenaan apabila berlaku sesuatu keadaan di luar dugaan. Faktor ini mempunyai persamaan dengan peristiwa di zaman awal kemasukan Inggeris iaitu mereka campurtangan dalam proses perlantikan ketua-ketua adat.

(iii) dan disebabkan oleh **kepentingan diri sendiri**, terutama sekali yang menganggap diri mereka berhak mewarisi jawatan pusaka tersebut. Oleh sebab kurang faham akan aturan yang sebenar maka terdapat konsep bahawa **setiap ahli daripada suku pemerintah** berhak mendapatkan jawatan tersebut.

7.2 Masyarakat Adat dan Perubahan

7.2.1 Musnahnya Tulang Belakang Tradisi Adat

Sejak mencapai kemerdekaan sehingga sekarang, Malaysia kekal; sebagai pengeluar bahan-bahan mentah dan hasil-hasil utama serta malahan masih merupakan mengekspot sebahagian besar dari getah, sawit dan balak tropika (Ong, 1983:428). Ini juga memberi kesan ke atas Negeri Sembilan terutama sekali dalam proses meluaskan penanaman getah dan sawit kerana ia melibatkan proses penanaman semula kebun-kebun kecil kepunyaan orang Melayu di kampung-kampung. Kedua-dua komoditi ini menjadi sumber pendapatan utama mereka.

Penerokaan tanah untuk penanaman getah dan sawit juga membawa kesan lain ke atas ekonomi tempatan. Kesan yang nyata ialah ke atas sawah padi. Penghapusan hutan tempatan dan digabung pula dengan dikawasan banjaran gunung yang menjadi tulang belakang Negeri Sembilan secara besar-besaran dan pembalakan yang tidak ekologi oleh syarikat-syarikat balak besar telah mewujudkan suatu keadaan yang hampir kekeringan dari aspek paras pemendakan dan penakungan air yang diperlukan untuk pertanian bersawah padi. Di samping itu, pembinaan jalan raya dan beberapa jenis binaan lain, dilakukan atas nama pembangunan sering mengganggu sistem tali air untuk keperluan bersawah padi sehingga sawah menjadi kering dan tidak boleh diusahakan. Ini memaksa orang Melayu Negeri Sembilan meninggalkan perusahaan tersebut, - tulang belakang tradisi masyarakat dan budaya Negeri Sembilan - dan juga aktiviti-aktiviti sampingan yang berkaitan dengannya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1971:85-88). Akibat selanjutnya, mereka telah meninggalkan kampung dan keluar mencari kerjaya lain seperti menjadi kakitangan kerajaan atau buruh di pekan-pekan.

7.2.2. Perusahaan dan Kesannya

Perkilangan adalah perusahaan yang paling berkembang dalam ekonomi Malaysia sejak mencapai kemerdekaan (Lim, 1982:36; Hua, 1983:160). Pembangunan industri ini mempunyai sekurang-kurangnya tiga kesan utama ke atas masyarakat Negeri Sembilan - kemudahan hidup, peluang pekerjaan dan wanita sebagai pekerja makan gaji.

(a) Kemudahan Hidup

Perusahaan telah membantu mewujudkan atau meluaskan infrastruktur fizikal dan sosial yang menghubungkan masyarakat desa dengan pusat-pusat bandar. Ini telah menambah lagi pergantungan mereka ke atas ekonomi wang

dan keatas pusat-pusat kebangsaan untuk pentadbiran. Banyak dari kemudahan-kemudahan baru ini, seperti jalan raya, paip (bekalan) air, bekalan listrik, kesihatan dan pendidikan, meskipun memberikan kemudahan-kemudahan yang diharapkan dalam penghidupan rakyat, juga telah melarutkan lagi ekonomi, pola-pola organisasi sosial dan nilai-nilai budaya tradisi Negeri Sembilan.

(b) Peluang Pekerjaan

Satu lagi kesan pembangunan adalah bilangan kerja bergaji semakin banyak terbuka kepada orang Melayu Negeri Sembilan berbanding dengan keadaan ekonomi di zaman penjajahan. Kerja-kerja tersebut berada di kawasan industri pengeluaran dan pengangkutan, dalam jentera birokrasi yang berkembang, dan dalam bidang-bidang perkeranian, penjualan dan perkhidmatan yang memberi sokongan kepada pembangunan perusahaan berkenaan. Akibat dari pembangunan ini telah berlaku suatu corak migrasi massa di kalangan orang lelaki Negeri Sembilan ke awasan bandar dan industri seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Seremban dan malahan Singapura.

(c) Wanita Sebagai Pekerja Makan Gaji

Di awal tahun 1970an suatu lagi jenis pembangunan industri baru telah mula berkembang di Malaysia. Industri ini telah mengancam untuk merubah secara hidup orang-orang Melayu yang paling fundamental. Kali ini ia melibatkan bahagian lain masyarakat - **wanita**. Perusahaan yang dimaksudkan di sini bukanlah perusahaan yang menghasilkan barangan untuk pasaran tempatan tetapi penghasilan sama ada barang siap atau bahagian-bahagian komponen untuk diekspot kepada industri-industri besar dan pasaran-pasaran di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea. Perusahaan-perusahaan jenis ini memerlukan ramai pekerja wanita. Justeru itu ramai wanita Negeri Sembilan telah keluar melamar pekerjaan di sektor ini.

Wanita Negeri Sembilan, sememangnya diakui memainkan peranan penting dalam ekonomi pengeluaran, untuk kali pertama dalam sejarah, mereka terlibat secara meluas dalam sektor buruh bergaji. Pertambahan penglibatan orang-orang Melayu Negeri Sembilan terutama sekali wanita dalam pekerjaan bergaji telah mengakibatkan pengorientasian semula ekonomi tempatan dari pergantungan kepada ekonomi sara hidup dan tanaman kontan (getah) kepada yang lebih bergantung kepada gaji untuk sekurang-kurangnya sebahagian dari pendapatan dasar keluarga.

7.2.3. Perubahan Pola Penggunaan

Penghijrahan keluar orang-orang Melayu Negeri Sembilan bukan sahaja

disebabkan oleh pembangunan industri negara tetapi juga oleh perubahan pola-pola penggunaan. Masyarakat desa Negeri Sembilan mendapati diri mereka semakin bergantung ke atas pendapatan tunai bukan sahaja untuk membeli barang-barang seperti televisyen, radio, malahan kereta; tetapi barang-barang keperluan asas seperti makanan, dan pakaian yang tidak lagi mereka hasilkan sendiri. Di samping itu telah timbul pula keperluan membayar tunai perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti bekalan api, air, kesihatan, membeli buku-buku dan pakaian seragam sekolah anak-anak, dan untuk membayar cukai-cukai. Keperluan-keperluan tersebut dan pembayaran-pembayaran lain yang berlaku di luar dugaan menolak orang-orang Melayu Negeri Sembilan - lelaki dan wanita - untuk mencari kerjaya atau lain bentuk aktiviti ekonomi yang boleh mendatangkan wang, di kawasan luar daerah adat mereka.

7.2.4. Demokrasi Moden

Seiring dengan berkurangnya pergantungan kepada ekonomi sara diri, orang-orang Melayu Negeri Sembilan juga, sejak merdeka memperlihatkan suatu kemerosotan dalam penentuan nasib sendiri secara politik. Elite nasional Malaysia telah selanjutnya menghapuskan sistem politik tradisi Negeri Sembilan dan telah menggantikannya dengan suatu sistem perwakilan perundangan dan pentadbiran birokratik yang bersepadu di peringkat nasional tetapi kurang berkesan dan kurang demokratik di peringkat lokal.

Dalam struktur kepimpinan baru, baik ketua kampung mahupun penghulu mukim tidak berjaya mewakili wilayahnya ataupun menyepadukan rakyat ke dalam sistem pentadbiran yang lebih luas seperti mana dilakukan oleh ketua-ketua adat tradisi. Orang Negeri Sembilan juga tidak berkeupayaan untuk menentukan yang wakil-wakil mereka di parlimen dan dewan negeri sebenarnya menyuarakan perspektif mereka; atau bertindak demi kepentingan mereka. Dalam sistem politik tradisi rakyat (anak buah) boleh menentukan wakil-wakil (ketua-ketua adat) yang mereka pilih secara bebas, dengan siapa mereka boleh sering berhubungan, termasuk memperkongsikan kerja dan makanan, dan menyuarakan hasrat dan kepentingan mereka, dan yang boleh mereka pecat jikalau tidak menjalankan tugas seperti yang sepatutnya..

Wujudnya keadaan ini juga telah menghakis lagi sistem politik tradisi yang berdasarkan demokrasi kolektif (**bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat**, dsb.). Banyak daripada aktiviti sistem politik dan sosial tradisi, antara lain seperti mesyuarah, kerapatan dan berkampung tidak disepadukan dengan demokrasi moden di peringkat lokal.

7.2.5. Pendidikan Menjadi Harta Pusaka Adat

Kemerosotan ekonomi sara hidup orang Melayu Negeri Sembilan sejak

zaman penjajahan, yang telah 'memaksa' mereka keluar mencari pekerjaan juga telah mendorong mereka mencari pendidikan atau ilmu pengetahuan. Walaupun pendidikan menjadi suatu keperluan dalam masyarakat perindustrian bandar, selalunya untuk mendapat pekerjaan ianya sering tidak diperlukan untuk kerja itu sendiri. Kepada orang Melayu Negeri Sembilan penekanan kepada pendidikan bukanlah suatu fenomena baru. Adat Perpatih, jikalau dilihat dari perbilangannya sering menekankan kepentingan ilmu, baik untuk lelaki mahupun perempuan. Kemudian, apabila Islam datang, tradisi pendidikan Islam (tidak formal) di Negeri Sembilan juga membantu membentuk definisi-definisi, tujuan-tujuan dan makna-makna baru kepada pendidikan. Mungkin nilai-nilai tradisi Adat Perpatih dan Islam telah sekurang-kurangnya memperkokohkan lagi penekanan masyarakat Negeri Sembilan semasa ke atas pentingnya persekolahan.

Kepentingan pendidikan dalam kehidupan orang Melayu Negeri Sembilan sangat ketara. Malahan, apa yang lebih ketara ialah ketiadaan diskriminasi jantina dalam pengharapan ibu bapa terhadap anak-anak berkaitan dengan persekolahan. Orang-orang Melayu Negeri Sembilan seolah-olah menganggap pendidikan itu sebagai suatu **sumber baru**. Ianya telah disepadukan ke dalam sistem Adat Perpatih dan dipelakukan sebagai sumber-sumber penting yang lain dalam adat seperti sawah, kawasan rumah (tanah pusaka) dan rumah pusaka. Mereka bersikap bahawa pendidikan itu adalah sesuatu yang boleh membantu seseorang itu mengenal diri sendiri dan juga dunia; dan dengan itu menjadikannya seorang yang lebih kaya dan luas pengalaman. Di samping pencapaian sendiri ini, pendidikan juga adalah sesuatu yang boleh mendapatkan pekerjaan dan dengan itu lebih berjaya dalam persaingan dalam keadaan ekonomi yang berubah.

Pendidikan kepada orang-orang Melayu Negeri Sembilan hari ini adalah dianggap sebagai **harta pusaka baru** dalam ertikata: hasil yang diperolehi dari pendidikan itu (seperti juga harta pusaka adat) harus diperkongsikan bersama sekurang-kurangnya di kalangan ahli keluarga. Dalam pengertian ini, generasi baru Negeri Sembilan, terutama sekali yang sedang mencari pendidikan tinggi, sedang secara aktif mencari interpretasi baru, bukan menolak secara total Adat Perpatih itu; dan kemudian cuba menggunakannya dalam situasi baru. Mungkin dalam usaha mencari pengertian ini maka kita lihat di sekitar tahun 1980an berbagai seminar dan bengkel yang menyentuh berbagai aspek Adat Perpatih telah diadakan di institusi pengajian tinggi di negara ini.

7.3. Perubahan Nilai

Kita terpaksa memperakui bahawa kemasukan nilai-nilai dan imej-imej budaya barat ke dalam masyarakat Negeri Sembilan dengan meluas. Ini berlaku

melalui program-program televisyen dan radio, penerbitan dan berita, budaya popular, kemudahan mendapatkan barang-barang pengguna keluaran barat, sistem pendidikan formal dan bentuk pekerjaan baru. Sikap-sikap dan nilai-nilai baru ini telah memberi kesan kepada berbagai bidang hidup manusia, tetapi lebih nyata dalam ide-ide orang berkaitan dengan pekerjaan dan penggunaan, pendidikan dan jangkaan dalam perhubungan antara seorang dengan yang lain, termasuk antara lelaki dan perempuan. Malahan dalam ruanglingkup hidup tersebut tadi, ide dan pilihan orang-orang Negeri Sembilan sebanyak sedikit masih **terpengaruh** dengan dan **dipengaruhi** oleh Adat Perpatih dan oleh Islam tetapi mereka semakin dibentuk oleh nilai-nilai yang dibawa oleh pembangunan ala kapitalis.

8. PENUTUP

Adat Perpatih dan budayanya telah wujud di Negeri Sembilan lebih dari enam ratus (600) tahun. Tamadun ini telah melalui berbagai peringkat dan period sejarah dimasa mana ianya telah dipengaruhi dan diadun dengan berbagai aspek budaya baru, sama ada secara lembut atau pun secara drastik. Pengadunan itu dimungkinkan berlaku kerana Adat Perpatih itu adalah suatu sistem yang dinamik. Ia telah berubah dan akan berubah untuk menyesuaikan diri dengan masa, tempat dan persekitaran. Tetapi dalam proses perubahan dan penyesuaian itu tamadun Adat Perpatih telah kehilangan keunikannya.

Sistem Adat Perpatih, walaupun tidak lagi diamalkan secara ideal oleh masyarakatnya sendiri, tetapi adalah perlu untuk dikaji semula. Kita harus menghargai setiap warisan kita kerana warisan inilah yang memberikan kita identiti serta harga diri; lalu menjadi 'barang' kebanggaan kita. Malahan kita boleh menimba segala ilmu, ide dan teladan daripada warisan tersebut bagi membina dan menegakkan kemajuan kerana Adat Perpatih ini, dari segi falsafah dan ide, tinggi martabatnya dan terbukti pula kegunaan dan kemampuannya.

Ketinggian falsafah serta kemampuannya mungkin telah menjadi satu faktor yang membolehkan Rembau dan Negeri Sembilannya tegak menentang penjajahan, baik daripada luar (Portugis, Belanda dan untuk kurang lebih seabad, Inggeris) ataupun dari dalam (Johor dan Bugis). Dari segi ini orang-orang Rembau dan Negeri Sembilannya menunjukkan keunikan tersendiri apabila dibandingkan dengan nasionalis lain seperti Bahaman, Mat Kilau dan yang lain kerana kebangkitan orang Adat Perpatih menentang penjajahan bukan atas tujuan kepentingan golongan tertentu - golongan elite ataupun atas sebab status seseorang tetapi demi menjaga maruah sebagai sebuah kerajaan demokrasi berdaulat dan untuk kepentingan serta kebebasan rakyat secara keseluruhannya. Tetapi melalui masa dan dengan menularnya nilai-nilai baru

'tertentu', yang secara tidak langsung telah merobah sistem nilai dan sikap kolektif serta komunalistis kepada individualistis serta materialistis, akhirnya di abad ke sembilan belas, orang-orang Adat perpatih telah terperangkap dengan nafsu lantas dapat ditundukkan. Keadaan yang hampir serupa sedang berlaku sekarang.

Kedua-dua keunikan tersebut, terutama sekali yang terakhir di sebut di atas tidak bermakna dan tidak dapat dibanggakan oleh orang Adat Perpatih seandainya sejarah sosial dan politik Negeri Sembilan tidak dituliskan secara baik. Daripada huraian yang tertera dalam penulisan ini nyata masih banyak kekosongan dan kegelapan serta ketidak pastian fakta dan data dalam persejarahan dan pensejarahan Negeri Sembilan. Kesemua masalah ini harus dan mesti diatasi secepat mungkin. Pihak-pihak tertentu dan yang berkuasa serta berkenaan harus bertindak sekarang. Sumber-sumber, data-data dan dokumen-dokumen sejarah yang ada di luar negara seperti di Portugal, Belanda, German, dan England serta yang berada dalam negeri harus dikaji dengan teliti, terperinci dan kritikal agar segala masalah persejarahan dan pensejarahan Negeri Sembilan dapat di atasi.

Selanjutnya, segala hasil tersebut harus pula dirakamkan agar ia tidak reput dalam simpanan individu dan/atau perpustakaan tertentu. Ia harus disebarkan secara meluas melalui media penulisan dan sebagainya untuk bacaan dan pengetahuan umum, terutama sekali rakyat pewaris Adat Perpatih. Justeru itu baharulah terserlah dan dapat disemboyankan tentang keunikan Negeri Sembilan dan Adat Perpatihnya, baik dari segi tamadunnya mahupun dari segi ketahanannya menentang penjajahan.

NOTA KAKI

@ Penulisan ini adalah kertas kerja **Seminar Sejarah Adat Dalam Pembangunan**, 21 September 1993, di Allison Klana Resort, Seremban, yang telah diperbaiki dan ditambah mana yang perlu.

1. Pada zaman pemerintahan Hayam Wuruk (1350-1389) Sang Hyang Hujung atau Tanjung Tuan (Coedes, 1968:244; Wojowasito, 1960:60) sekarang adalah sebuah daripada pusat negeri yang diperintah oleh Majapahit. Besar kemungkinan Kuala Penajoh merupakan salah satu pusat petempatan dan perdagangan yang terlingkung di bawah wilayah Sang Hyang Hujung. Kuala Penajoh sebagai sebuah petempatan berlanjutan sehingga zaman pemerintahan Sultan Mahmud (1488-1511), sultan terakhir kerajaan Melayu Melaka (Sejarah Melayu, 1954:202).

2. Sejak awal abad ke tujuh belas pusat kerajaan Melayu Johor sering berpindah. Misalnya pada tahun 1617 daripada Batu Sawar pindah ke Lingga; Lingga telah ditawan oleh Aceh pada tahun 1623. Antara tahun 1623 dengan 1637 Kerajaan Johor tidak mempunyai pusat pentadbiran yang tetap. Pada tahun 1640-41 Johor pula melanggar Melaka. Disepanjang tahun 1666 sehingga 1690 Johor berperang dengan Jambi. Jambi telah memusnahkan kerajaan Johor di Batu Sawar pada tahun 1673.

3. Siapa dia Raja Ibrahim? Mengikut lapuran Gubernur Bort: Raja Ibrahim mengumumkan dirinya sebagai sepupu Raja Johor; tetapi sebenarnya beliau adalah seorang pemimpin agama Islam yang melarikan diri; yang menurut berita angin telah diusir oleh pengikut-pengikutnya di Sumatera dan juga oleh orang Aceh..... (Bremner, 1927:68-69)
4. Apa yang menyebabkan kematian Raja Ibrahim tidak diketahui dengan jelas. Pada bulan Oktober 1678 Belanda telah diberitahu oleh orang Melayu daripada Kelang dan Muar tentang kematian Raja Ibrahim dibunuh oleh orang Rembau yang enggan meneruskan peperangan menentang Belanda. Raja Ibrahim, mengikut lapuran Gubernur Bort, bersama seramai lebih kurang tujuh ribu orang pengikutnya daripada Rembau telah menyerang Melaka pada tahun 1677 (Carbon, 1948:111-112). Tetapi dalam tahun 1680 seorang Bugis yang dipanggil Bagga telah mendakwa bahawa dia telah membunuh Raja Ibrahim di Rembau (Andaya, 1987:152-153).
5. Raja Kasah, mengikut sejarah lisan Rembau adalah pengikut Raja Kecil, raja keturunan Minangkabau yang berkuasa di Kerajaan Johor-Riau antara tahun 1717-1722. Secara kebetulan Raja Kasah ini adalah putera keturunan raja Minangkabau. Semasa di Rembau (1722) Raja Kasah terlibat dalam peperangan membantu Raja Kecil mempertahankan kedudukannya sebagai sultan Johor; dan terlibat langsung dalam konflik mengeluarkan putera-putera Bugis daripada Johor-Riau. Justeru itu, secara tidak langsung Rembau telah terlibat dalam konflik dalaman istana Johor-Riau. Apabila Raja Sulaiman (kemudian bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah) dengan bantuan putera-putera Bugis seperti Daing Merewah (kemudian menjadi Yamtuan Muda Riau) dan Daing Menampok (kemudian bergelar Raja Tua) berjaya mengusir Raja Kecil, Raja Kasah; dan Rembau berada dalam keadaan dilema.
6. Akibat kekalahan Raja Kecil dan kekuasaannya Raja Sulaiman yang dibantu oleh kekuatan putera Bugis, Rembau terpaksa, berserta sebab-sebab lain mengeluarkan Raja Kasah daripada Rembau. Kekalahan Raja Kecil secara tidak langsung telah mengancam 'kebebasan' Rembau dan sekutunya.
7. Sebagai tanda atau bukti wakil kerajaan Johor-Riau Raja Adil telah membawa bersamanya satu cop mohor (Wilkinson, 1911:23). Beliau adalah seorang putera keturunan Bugis (Winstedt, 1962:152). Raja Adil dipilih mewakili Johor di Rembau mungkin atas kehendak putera-putera Bugis. Dengan adanya seorang pembesar keturunan Bugis di Rembau dapatlah Rembau diperalatkan untuk membantu Johor dan juga putera-putera Bugis menyerang Belanda di Melaka. Kepada putera-putera Bugis pula, dengan hadirnya Raja Adil di Rembau, sekiranya berlaku pertelingkahan dengan Johor mereka mempunyai tempat perlindungan. Walaupun Selangor (kawasan daerah Port Dickson sekarang) berada dalam 'kekuasaan' Bugis namun kedudukan Rembau di bahagian yang lebih ke pedalaman lagi adalah lebih sesuai dan selamat sebagai suatu tempat perliarian jikalau mereka di'kejar' musuh, terutama Belanda.
8. Dari segi geografi politik adat luak Rembau terbagi dua iaitu **Rembau Darat** dan **Rembau Baroh**. Hampir kesemua Penghulu/Undang Rembau datang daripada Rembau Baroh. Perpecahan wilayah Rembau Darat dan Baroh ini berlaku disekitar awal abad ke enam belas.
9. Mengikut pensejarahan Rembau, antara tahun 1660-1750 perlantikan Penghulu/Undang Rembau tidak mengikut gelaran kebiasaan peraturan adat. Dalam tempoh masa hampir se abad ini jawatan pusaka Penghulu/Undang, yang sepatutnya bergelar antara waris Jakun dan Waris Jawa, telah disandang terus menerus oleh ahli-ahli waris Jawa sahaja. Pada tahun 1750 baharulah waris Jakun - Datuk Lela Maharaja Lulinsoh - diberi gelaran. Mengikut sejarah lisan Rembau Datuk Lulinsoh telah merampas pusaka Penghulu Rembau di hari pengkebumian Datuk Sedia Raja Sabut dengan menduduki kerusi yang terletak di bahagian kepala keranda jenazah (kerusi yang terletak di bahagian kaki jenazah diduduki oleh Datuk Perba, Lembaga suku waris) dan membunuh calon

waris Jawa. Dalam peristiwa ini, Lulinsoh telah mendapat sokongan Raja Adil; dan atas pengaruh dan kedudukannya, Lulinsoh telah diterima sebagai Penghulu Rembau oleh ketua-ketua adat (Lembaga Tlang Balai) Rembau tanpa konflik yang berlanjutan.

10. Putera-putera Bugis balik ke Riau kerana membawa jenazah Sultan Abdul Jalil Muazzam Syah yang meninggal di Selangor dalam bulan Februari 1761. Peristiwa ini juga telah memulihkan semula kekuasaan Bugis dalam kerajaan Johor-Riau.

11. Raja Adil, setelah dikeluarkan daripada Rembau, telah pergi ke Jelebu dan tinggal di rumah isteri pertamanya di Pita Serambi, Ulu Kelawang.

12. Percubaan kerajaan Johor untuk menguatkan pengaruhnya telah bermula sejak awal lagi. Misalnya sebelum Raja Adil, Sultan Sulaiman, selepas merampas semula kuasa dari Raja Kecil telah mengwujudkan semula sistem perwakilannya di Rembau. Wakilnya kali ini dikurnia gelaran Datuk Shahbandar. Ini terjadi disekitar tahun 1720an. Apabila Raja Adil sampai kedudukan Datuk Shahbandar itu diturunkan kepada taraf 'kepala waris' sahaja. Selepas Raja Adil kerajaan Johor telah meneruskan usaha untuk berpengaruh di Rembau dengan 'menghantar' dan/atau melantik pembesar-pembesar sebagai wakil. Misalnya disekitar tahun 1790an iaitu selepas kematian Datuk Lulinsoh, sultan Johor telah melantik Datuk Mengkubumi sebagai wakilnya.

13. Selain dari pengalaman tersebut, keinginan Johor menguasai Rembau dan tekanan Belanda di Melaka juga menjadi punca keinginan mempunyai 'raja' tersebut. Di samping itu, sistem sosial dan politik Rembau dan negeri Sembilan sendiri memerlukan seorang raja sebagai lambang **keadilan**. Konsep keadilan ini banyak tersebut di dalam berbagai perbilangan adat yang memperihalkan struktur dan organisasi sosio-politik Negeri Sembilan (Adat Perpatih).

14. Mereka adalah Panglima Bandan dan Panglima Bandut, pengiring mereka terdiri dari Datuk-Datuk Johan, Andatar, Laksamana, Panglima Sutan dan Panglima Raja (Lister, 1887:41; Rasjid Manggis, 1970:89).

15. **Melewar** itu adalah gelaran atau nama panggilan yang mungkin diberikan oleh Penghulu-Penghulu Luak di Negeri Sembilan akibat dari perjalanannya untuk tiba ke Rembau daripada Minangkabau. Dalam loghat Negeri Sembilan **melewar** atau **melawa** bermaksud perbuatan merayau, singgah menyinggah dan memperagakan diri di beberapa tempat. Dalam bahasa Minangkabau pula **lewa(r)** - **melewa** bererti menyemboyankan atau memberitahu sesuatu hal kepada orang banyak dengan mulut atau dengan canang (Thaib, 1935:15).

Catitan sejarah Negeri Sembilan menyatakan bahawa Raja Melewar datang ke Negeri Sembilan membawa beberapa alat kebesaran. Antara yang penting ialah surat watakah. Surat ini harus dibawa oleh setiap anak raja Minangkabau yang bakal dilantik menjadi Yamtuan. Berdasarkan cop mohor yang ada pada watakah yang dibawa oleh Raja Labu (Laboh) iaitu raja Minangkabau yang terakhir dijemput tetapi tidak dilantik menjadi Yamtuan dalam tahun 1826, negeri-negeri yang dilalui oleh Raja Labu dan mungkin juga oleh Raja Melewar adalah Palembang, Jambi, Indragiri, Sungai Paku-Bandar Sepuluh, Inderapura, Pariaman dan Siak (Newbold, 1939:82-83). Tujuan mengunjungi (**singgah menyinggah** atau **melawa**) negeri-negeri tersebut adalah untuk mendapat cop mohor raja-raja atau sultan-sultan berkenaan, dan memberitahu mereka akan perlantikannya sebagai Yamtuan Negeri Sembilan/Rembau (**hal yang hendak diberi** dan/atau **disemboyankan**) serta pengiktirafan dan restu mereka yang berkenaan. Perbuatan Raja Mahmud yang singgah menyinggah di negeri-negeri tersebut dan memberitahu sultan-sultan berkenaan, sudah tentu mengambil masa yang lama telah membuatkan pembesar-pembesar Negeri Sembilan menggelarkan Raja Mahmud itu **raja melewar** (Norhalim Hj. Ibrahim, 1993:12-13).

16. Raja Hitam adalah anak raja kedua yang didatangkan daripada Minangkabau. Beliau telah dibawa ke Rembau dan ditabalkan sebagai Yamtuan Besar di Penajah Rembau pada tahun 1795.

17. Institusi Yamtuan Muda Rembau ini telah wujud di pertengahan abad ke lapan belas. Jawatan pusaka tersebut telah disandang oleh Raja Adil.
18. Untuk keterangan lanjut mengenai pertelingkahan antara Penghulu dengan Yamtuan Muda Rembau lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1978:16-40.
19. Raja Ali adalah cucu sepupu kepada Raja Asil, Yamtuan Muda Rembau II.
20. Mereka adalah Datuk Seri Maharaja, Lembaga suku Paya Kumbuh Darat, Datuk Sinda Maharaja dari suku Seri Lemak, Datuk Andika dari suku Batu Belang dan Datuk Mendelika Lembaga suku Semelenggang.
21. Mereka ada Datuk Gempa Maharaja lembaga suku Batu Hampar Baruh, Datuk Merbangsa suku Paya Kumbuh Baruh, Datuk Bangsa Balang suku Tiga Nenek dan Datuk Samsura Pahlawan lembaga suku Mungkal.
22. "to make the sons of fishermen and the peasants a more intelligent fishermen or peasants than their father had been....."
23. Mengikut Josselin de Jong (1960:195-199) konflik ini berakhir dengan kemenangan pihak adat. Apa yang harus diambil perhatian mengenai penulisan Josselin de Jong ini ialah beliau tidak mengambil kira mengenai satu lagi konflik 'tertutup' atau 'dalaman' yang sedang berlaku pada waktu yang sama. Konflik 'tertutup' ini telah bermula sejak tahun 1941 dan berakhir di sekitar tahun yang sama dengan yang 'terbuka' (iaitu antara UMNO dan pencinta adat - 1951). Konflik 'tertutup' ini adalah konflik dalaman yang berlaku dikalangan ketua-ketua adat di Rembau (Norhalim Hj. Ibrahim, 1989:15-17).
24. Krisis adat di Luak Ulu Muar yang melibatkan peringkat perut dan suku ini telah mendapat publisiti dan akhbar tempatan terutama **Utusan Melayu**. Krisis ini berlaku pada tahun 1965 dan berakhir pada tahun 1970 (Abdul Aziz Hitam, 1984).

BIBLIOGRAFI

Singkatan

BIK	Bijdragen Tot de taal-, Land-en Volkenkunde, Leiden.,
JMBRAS	Journal of the Royal Asiatic Society - Malaysian Branch, Kuala Lumpur.
JSBRAS	Journal of the Royal Asiatic Society - Straits Branch, Singapore.
PMS	Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur.

Abas Haji Ali, 1953

Rembau Sebuah Daripada Luak-Luak Yang Sembilan, Rembau, Jabatan Undang Rembau.

....., 1954

'Sebahagian Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum', Kertas kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Seremban.)

Abdul Aziz Hitam, 1984

'Krisis kepimpinan Di Luak Tanah Mengandung: Satu Kajian Kes Di Luak Ulu Muar', Kertas kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Baharon Azhar Raffie'i, 1973

'Parit Gong: An Orang Asli Community in Transition', tesis Ph. D., King's College, The University of Cambridge.

....., 1984

'Perhubungan Inter Etnik dalam Masyarakat Adat', Kertas kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Bremner, M.J. (Pentjm.), 1927

'Report of Governor Balthasar Bort in Malacca 1678', **JMBARAS** 5 (1):1-232.

Braddell, T., 1856

'Notes on Naning, with a Brief Notice of the Naning war', **Journal of the Indian Archipelago dan Eastern Asia**, 1:194-232.

Buyung Adil, 1952

Sejarah Alam Melayu V, K. Lumpur: Pejabat Karang Mengarang Jabatan Pelajaran.

....., 1981

Sejarah Negeri Sembilan, K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cardon, R., 1948

'Old Malacca: Tranqueira and Gajah Berang', **JMBRAS**, 21(1):293-294.

Chung Siok-Hwa, 1969

'The Rice Industry of Malaya: A Historical Survey', **JMBRAS**, 42(2):130-144.

Coedes, G., 1968

The Indianized States of Southeast Asia, N. York: McGraw-Hill Book Co.

Hervey, D.F.A., 1884

'Rembau', **JSBRAS**, 13:241-260.

Hooker, M.B., 1970

Adat Law in Modern Malaya, K. Lumpur: Oxford University Press

....., 1971

'The Early Constitution of Negeri Sembilan (1773-1824)', **JMBRAS**, 44 (1):104-116.

Hua, Wu Yin, 1983

Class and Communalism in Malaya, London: Zed Book Ltd.

Ismail Ambia, 1959

'Pentadbiran Adat Perpatih Negeri Sembilan', Latihan Ilmiah, Singapore: Universiti Malaya Singapore.

Josselin de Jong, P.E. de, 1960

'Islam versus Adat in Negeri Sembilan (Malaya)', **BIK**, 166:158-203.

Khoo Kay Kim, 1972

The Western Malay States 1850-1873, K. Lumpur: Oxford University Press.

....., 1990

'Negeri Sembilan: Sejarah Awal dan Sistem Politiknya', dalam Norazit Selat (ed.), **Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang**, K. Lumpur: Muzium Negara.

Lim Man Hui, 1982

'Capitalism and Industrialization in Malaysia', **Bulletin of Concerned Asian Scholars**, 14(1):32-47.

Lister, M., 1887

'The Malay Law in Negeri Sembilan', **JSBRAS**, 22:299-319.

Mansoer, M.D., dll, 1970

Sedjarah Minangkabau, Djakarta: Bhratara.

Maxwell, W.G. dan Gibson, W.S., 1924

Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, London: Truscott and Sons.

Newbold, T.J., 1939

The British Settlements in the Straits of Malacca Vol. 2, London: John Murray, cet. semula K. Lumpur: Oxford University Press, 1971.

Norhalim Hj. Ibrahim, 1971

'Kekeluargaan dan Ekonomi dalam Masyarakat Desa Di Rembau', Latihan Ilmiah, K. Lumpur: Universiti Malaya.

....., 1976

'Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan', tesis M.A., Hull: University of Hull.

....., 1978

'The Yang Dipertuan Besar of Negeri Sembilan and the Yang Dipertuan Muda of Rembau', **Warisan**, 4/5:16-63.

....., 1988

'Some Observation on the Adat and Adat Leadership in Rembau, Negeri Sembilan', **Journal of Southeast Asian Studies**, 26(2): 150-165.

....., 1989

'The Negeri Sembilan Adat Through Time with special Reference to Rembau', kertas kerja The Malay Seminar, Kyoto: University of Kyoto.

....., 1989(a)

'Perkembangan dan Perubahan Adat Negeri Sembilan', kertas kerja Persidangan Antara Bangsa Pengajian Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

....., 1989(b)

'Dato' Sedia Raja Abdullah: Kepimpinan dan Sumbangannya', dalam **Dato' Sedia Raja Abdullah (Undang Luak Rembau ke 18) Dalam Kenangan**, Rembau: Pejabat Daerah Rembau.

....., 1992

'Vanishing Culture of Adat Perpatih', dalam Nellie, S.L. dan Patel, V. (eds.), **Adat Perpatih**, K. Lumpur: Wintrac. hlm.37-43.

....., 1992(a)

'Social Structure and Organization of Negeri Sembilan Malays', dalam Nellie, S.L. dan patel, V. (eds.), **Adat Perpatih**, K. Lumpur: Wintrac. hlm, 44-64.

....., 1990

'Tanah Adat Terbiar Di zaman Pembangunan' dalam Norazit Selat (ed.), **Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang**, K. Lumpur: Muzium Negara.

....., 1993

Adat Perpatih: Perbezaannya dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung, K. Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

....., 1993(a)

'Perkembangan dan Perubahan Adat Negeri Sembilan', dalam Wan Abdul Kadir dan Zainal Abidin Borhan (eds.), **Fenomena 2**, K. Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 240-256.

Ong Ai-Hua, 1983

'Global Industries and Malay Peasants in West Malaysia', dalam Nash, J dan Fernandez-Kelly, M.P. (eds.), **Women, men and International Division of Labour**, Albany: Suny Press.

Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H., 1910

'Rembau, One of the Nine States', JSBRAS, 56:1-157.

Peletz, M., 1983

'A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Rembau', tesis Ph.D., Michigan: The University of Michigan.

Rasjid Manggis, Dt. Radjo Panghoeloc, 1970

Negeri Sembilan, Hubungannya dengan Minangkabau (Payung Terkembang), Bukittinggi: Pustaka Sa'adijah.

Sadka, E., 1968

The Protected Malay States 1874-1896, K. Lumpur: University of Malaya Press.

Skinner, M.A., 1878

'Pabie Pass Rembau', **JSBRAS**, 2:227-229.

Sheppard, M., 1965

A Short History of Negeri Sembilan, Singapore: Eastern Universities Press.

Sutcliffe, G.,

'A Short History of Education in Negeri Sembilan', tesis M.A., London: University of London.

Thio, E., 1969

British Policy in the Malay Peninsular, 1880-1910, K. Lumpur: Oxford University Press.

Tun Seri Lanang, 1612 (?)

Sejarah Melayu, edisi Shellabear, Singapore: Malaya Publishing House, 1954

Wilkinson, R.J., 1911

'Notes on Negeri Sembilan', **PMS**, K. Lumpur: Government Press.

Winstedt, R.O., 1943

'Negeri Sembilan: The History, Polity and Beliefs', **JMBRAS**, 12(3):41-114.

....., 1972

A History of Malaya, Singapore: Marican and Sons.

Wojowasito, Drs. S., 1960

Sejarah Kebudayaan Indonesia, Jakarta: Pen. Kalimosodo.